

**Buku Panduan**  
**Penulisan Ilmiah Gaya KUIS**  
**(Peringkat Pascasiswazah)**

**Pusat Pengajian Siswazah**  
**Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)**

## **BAHAGIAN 1**

### **PANDUAN UMUM PENULISAN ILMIAH**

#### **1.1 PENGENALAN KEPADA PENULISAN ILMIAH KUIS**

Buku panduan ini disediakan dengan tujuan untuk membantu para pelajar dalam melengkapkan penulisan ilmiah mereka. Keperluan bagi format dan bentuk akhir laporan penulisan ilmiah dijelaskan melalui buku panduan ini. Bagi memudahkan urusan format penulisan para pelajar, pihak Pusat Pengajian Siswazah (PPS) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menyediakan templat tesis KUIS yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang Pusat Pengajian Siswazah (PPS).

Secara umumnya, penulisan ilmiah dikaitkan dengan suatu penulisan bersifat akademik yang dihuraikan dalam bentuk laporan dan memaparkan hasil penelitian serta kajian yang dilengkapkan oleh pelajar-pelajar di KUIS. Setiap pelajar mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada penyelia mengikut kepakaran dalam bidang masing-masing. Penyelia membantu merencana dan melaksanakan sehingga lengkap laporan kajian tersebut.

Sehubungan itu, terdapat beberapa jenis penulisan ilmiah yang diamalkan di KUIS, antaranya; jurnal, buku, kertas projek, artikel, kertas kerja, tesis atau disertasi penyelidikan. Namun begitu, jenis penulisan ilmiah yang diberi perhatian melalui buku ini adalah seperti berikut:

- (a) Kertas Projek Sarjana - Mod Kerja Kursus
- (b) Disertasi Sarjana - Mod Campuran dan Penyelidikan
- (c) Tesis Doktor Falsafah (PhD) - Mod Penyelidikan

##### **1.1.1 Kertas Projek Peringkat Sarjana**

Kertas projek merupakan suatu kursus yang diambil oleh pelajar pada peringkat sarjana di KUIS. Para pelajar yang diwajibkan untuk melengkapkan kertas projek ini perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh fakulti masing-masing. Kertas projek boleh ditulis berdasarkan pendapat, teori atau kerangka konsep daripada penyelidikan orang lain. Tujuan kertas projek ini ditulis untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang asas penulisan tesis. Pelajar didedahkan dengan kaedah untuk menyediakan satu persembahan penulisan ilmiah yang baik sebagai satu persediaan awal untuk mereka pergi ke peringkat yang lebih tinggi. Sehubungan itu, penulisan kertas projek melalui gaya penulisan ilmiah ini akan turut membantu para pelajar menyampaikan penghujahan dan idea-idea secara lebih ilmiah terhadap sesuatu isu.

##### **1.1.2 Disertasi Sarjana dan Tesis Doktor Falsafah (PhD)**

Bentuk penulisan disertasi sarjana adalah lebih terperinci berbanding kertas projek. Penulisan disertasi sarjana dan metodologinya bergantung pada format yang telah ditetapkan oleh pihak Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Skala penelitian bagi disertasi sarjana adalah lebih besar dan lebih mendalam jika dibandingkan dengan kertas projek.

Tesis Doktor Falsafah (PhD) adalah penulisan ilmiah yang lebih teliti daripada aspek metodologi dan tekniknya. Aspek penting yang perlu dititikberatkan dalam tesis PhD adalah ketepatan terutama dari segi maklumat kajian dan teori, kaedah pengumpulan data,

pensampelan, jenis-jenis analisis yang digunakan, hipotesis-hipotesis, dan kesimpulan daripada hasil dapatan kajian. Setiap penulisan tesis harus dipersembahkan dengan jelas dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan ringkas. Tesis yang bermutu tinggi adalah tesis yang mudah difahami oleh pembaca kepada maksud yang ingin disampaikan oleh pelajar.

Perbezaan antara disertasi sarjana dan tesis PhD adalah bergantung kepada tempoh laporan disiapkan dan secara umumnya tempoh penulisan tesis PhD adalah lebih panjang jika dibandingkan dengan disertasi sarjana. Tesis PhD memerlukan persembahan idea atau penemuan baharu berdasarkan kepada isu-isu yang lebih sukar yang diketengahkan melalui proses analisis yang sistematik dan disokong oleh penghujahan yang bernas. Selain itu, laporan disertasi sarjana adalah lebih pendek berbanding tesis PhD yang memerlukan laporan yang lebih panjang dan mendalam. Penulisan disertasi sarjana dan tesis PhD di KUIS perlu dipersembahkan dalam bentuk laporan bertulis dan wajib dibentangkan di hadapan panel-panel tertentu mengikut bidang kepakaran yang telah ditetapkan oleh pihak PPS. Secara umumnya, idea hasil daripada kajian yang dikemukakan oleh pelajar dijangka dapat membantu menyelesaikan isu yang dihadapi oleh pihak-pihak tertentu.

### **1.1.3 Etika Penyelidikan**

#### ***1.1.3.1 Penggunaan Bahan Hak Cipta***

Pelajar perlu berhati-hati apabila menggunakan bahan hak cipta seperti petikan pendek penulis lain dengan syarat penulis tersebut diberi penghargaan. Bentuk penghargaan boleh dilakukan sama ada dengan meletakkan nama penulis dan bahan yang dirujuk dalam bahagian rujukan atau bahagian penghargaan laporan penulisan ilmiah. Surat kebenaran daripada pemilik bahan perlu dilampirkan jika melibatkan penggunaan bahan yang lebih meluas. Kegagalan untuk mencatatkan dengan jujur dan jelas sumber-sumber rujukan boleh menyebabkan pelajar dikenakan tindakan atas salah laku plagiat.

#### ***1.1.3.2 Salah Laku Akademik***

Salah laku akademik dalam aktiviti penulisan ilmiah dikaitkan dengan penipuan, plagiarism, pemberian maklumat palsu dan lain-lain yang boleh menyebabkan kekeliruan dan kehilangan keaslian mutu sesebuah penulisan. Kesalahan yang dikaitkan dengan plagiat adalah seperti berikut:

- (a) Petikan tidak diubah dan diambil tetapi sumber-sumbernya tidak diberi penghargaan.
- (b) Petikan diubah dan ditulis tetapi sumber-sumbernya juga tidak diberi penghargaan.
- (c) Perkataan-perkataan dalam petikan ditukar dengan perkataan lain yang sama maksudnya tanpa mengubah susunan ayat sebenar.

Kesalahan salah laku dalam penulisan ilmiah ini dianggap serius dan pelajar boleh dikenakan tindakan tatatertib yang tegas.

## **1.2 SPESIFIKASI TEKNIKAL**

### **1.2.1 Saiz Kertas**

Bersaiz A4 (210 mm x 297 mm).

### **1.2.2 Jenis dan Kualiti Kertas**

Semua salinan hendaklah menggunakan kertas jenis simili dengan berat 80 gsm.

### **1.2.3 Warna Kertas**

Hanya dibenarkan mengguna warna putih.

## **1.3 FORMAT TULISAN**

### **1.3.1 Jenis Huruf dan Saiz**

Jenis huruf bagi tulisan rumi ialah *Times New Roman* dan bagi tulisan Arab/Jawi ialah *Traditional Arabic* bagi keseluruhan tesis/disertasi.

Saiz huruf bagi tulisan Rumi ialah 12 (kecuali nota kaki bersaiz 10) manakala, huruf bagi tulisan Arab/Jawi ialah 16.

Semua tetapan ini telah disediakan dalam templat tesis KUIS.

### **1.3.2 Penulisan Tajuk**

Semua tajuk bab dan tajuk utama ditulis dengan huruf besar. Subtajuk hendaklah ditulis dengan huruf kecil.

Kesemua tajuk harus ditulis tebal (*bold*) dan mematuhi antara jarak yang ditetapkan.

### **1.3.3 Jajaran Teks**

Teks hendaklah ditulis jajaran kiri dan kanan.

### **1.3.4 Selang Baris**

Teks am hendaklah ditulis selang satu setengah baris (*1.5 spacing*).

Teks bagi perkara berikut hendaklah ditulis selang satu baris (*single spacing*).

- a) Pengakuan
- b) Penghargaan
- c) Abstrak
- d) Abstract
- e) Kandungan
- f) Senarai Jadual
- g) Senarai Rajah
- h) Senarai Transliterasi\*
- i) Senarai Simbol\*/ Singkatan/ Tatanama/Istilah
- j) Senarai Kes\*
- k) Senarai Statut\*
- l) Senarai Lampiran

\* bergantung pada kesesuaian bidang

### **1.3.5 Perenggan**

Perenggan yang pertama bagi setiap tajuk hendaklah dimulakan jajaran kiri bagi tulisan Rumi dan jajaran kanan bagi tulisan Arab/Jawi. Ensotan (*tab*) bagi memulakan perenggan seterusnya

ialah 1.25 cm dari jarak kiri (tulisan Rumi) dan jarak kanan (tulisan Arab/Jawi). Semua tetapan ini telah disediakan dalam templat tesis KUIS.

## **1.4 CETAKAN DAN SALINAN**

### **1.4.1 Cetakan Rumi**

Cetak pada kedua-dua belah muka surat dan muka surat setiap permulaan bab hendaklah berada di sebelah kanan apabila tesis dibaca.

### **1.4.2 Cetakan Arab/Jawi**

Cetak pada kedua-dua belah muka surat dan muka surat setiap permulaan bab hendaklah berada di sebelah kiri apabila tesis dibaca.

### **1.4.3 Kualiti Cetakan**

Hasil cetakan yang baik mutunya sahaja akan diterima.

## **1.4 NASKAH UNTUK PEMERIKSAAN**

Calon hendaklah menyerahkan tesis/disertasi yang berjilid (kulit lembut) mengikut bilangan yang ditetapkan kepada Fakulti/Institut/Pusat bagi tujuan pemeriksaan dan peperiksaan lisan (*Viva voce*) yang merangkumi:

### **1.4.1 Calon PhD harus menyerahkan 5 salinan tesis kepada:**

- (a) 2 salinan untuk 2 orang Pemeriksa Luar
- (b) 1 salinan untuk Pemeriksa Dalam
- (c) 1 salinan untuk Pengerusi Peperiksaan Lisan
- (d) 1 salinan untuk Pusat Pengajian Siswazah

### **1.4.2 Calon Sarjana harus menyerahkan 4 salinan disertasi kepada:**

- (a) 1 salinan untuk Pemeriksa Luar
- (b) 1 salinan untuk Pemeriksa Dalam
- (c) 1 salinan untuk Pengerusi Peperiksaan Lisan
- (d) 1 salinan untuk Pusat Pengajian Siswazah

## **1.5 NASKHAH AKHIR**

### **1.5.1 Naskhah Akhir dan CD-ROM untuk Universiti**

Calon hendaklah menyerahkan disertasi/tesis yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan dan berjilid kulit keras sebanyak dua (2) salinan termasuk naskhah asal bersama CD-ROM kepada Pusat Pengajian Siswazah dan Fakulti/Pusat.

Manakala calon sarjana kerja kursus hendaklah menyerahkan dua (2) salinan kertas projek termasuk naskhah asal bersama CD-ROM kepada Pusat Pengajian Siswazah dan fakulti.

### 1.5.2 Warna Kulit Naskhah Akhir berjilid Kulit Keras Penulisan Ilmiah

Warna kulit hendaklah seperti yang berikut :

<b>Peringkat</b>	<b>Mod Pengajian</b>	<b>Warna</b>
Doktor Falsafah	Penyelidikan	Hitam
Sarjana	Penyelidikan	Hijau Tua
	Kerja Kursus	Merah Tua ( <i>Maroon</i> )

## 1.6 KETERANGAN PADA MUKA HADAPAN (JILID KULIT KERAS)

### 1.6.1 Kulit Hadapan

Maklumat hendaklah dicetak dengan huruf besar berwarna emas bersaiz 18 (*font*) bagi Penulisan Ilmiah dan mengikut susunan seperti berikut:

(a) **Tajuk Penulisan Ilmiah**

Disusun dalam bentuk piramid terbalik – 6.0 cm dari jarak atas

(b) **Nama penuh calon**

Seperti dalam Mykad/passport

(c) **KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR**

Nama Universiti – 6.0 cm dari jarak bawah

**CONTOH : MUKA HADAPAN**

**PENDEKATAN PENGAJARAN BERASASKAN  
*MANHAJ AL-TADARRUJ* KEPADA SAUDARA  
BAHARU DI MALAYSIA**

**NORAINI BINTI MOHAMAD**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
SELANGOR**

### 1.6.2 Tulang Belakang

Maklumat pada tulang belakang di kulit keras hendaklah dicetak dengan huruf besar berwarna emas bersaiz 18 untuk Doktor Falsafah dan Sarjana mengikut susunan seperti berikut:

- (a) **Nama penulis**  
Ditulis 6.0 cm dari jarak atas
- (b) **Ijazah**  
Peringkat pengajian ditulis penuh dalam Bahasa Melayu untuk **Sarjana** kecuali peringkat Doktor Falsafah ditulis dengan singkatan **PhD**.
- (c) **Tahun Penulisan Ilmiah diserahkan**
- (d) **KUIS** (Singkatan nama Kolej Universiti ditulis 6.0 cm dari jarak bawah)



**CONTOH: TULANG BELAKANG DOKTOR FALSAFAH DAN SARJANA**

**MOHD. KHAFIDZ BIN SORONI**

**Sarjana 2019 KUIS**

**MOHD. KHAFIDZ BIN SORONI**

**PhD 2019 KUIS**

## **BAHAGIAN 2**

### **FORMAT KANDUNGAN**

Semua format kandungan pada bahagian ini telah dimasukkan dalam templat tesis/disertasi yang telah disediakan oleh Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Templat ini boleh dimuat turun di laman sesawang PPS.

#### **2.1 JARAK**

##### **2.1.1 Tulisan Rumi**

Penulisan teks tesis/disertasi perlu dipastikan berada pada kedudukan jarak yang sesuai seperti berikut:

- (a) Jarak atas : 2.5 cm dari jarak atas
- (b) Jarak bawah : 2.5 cm dari jarak bawah
- (c) Jarak kanan : 2.5 cm dari jarak kanan
- (d) Jarak kiri : 3.8 cm dari jarak kiri

##### **2.1.2 Tulisan Arab/Jawi**

Penulisan teks tesis/disertasi perlu dipastikan berada pada kedudukan jarak yang sesuai seperti berikut:

- (a) Jarak atas : 2.5 cm dari jarak atas
- (b) Jarak bawah : 2.5 cm dari jarak bawah
- (c) Jarak kanan : 3.8 cm dari jarak kanan
- (d) Jarak kiri : 2.5 cm dari jarak kiri

#### **Peringatan:**

- (a) Ruang letak jadual dan ilustrasi termasuk keterangan hendaklah mematuhi perkara 2.1.1 atau 2.1.2.
- (b) Perenggan terakhir dalam sesuatu muka surat hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua baris teks bercetak. Jika kurang daripada dua baris, teks tersebut hendaklah dipindahkan ke muka surat berikutnya sebagai perenggan baharu.
- (c) Perkataan terakhir pada baris terakhir sesuatu muka surat tidak boleh menggunakan tanda sempang (-).
- (d) Muka surat baharu hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya satu baris teks.

#### **2.2 PENOMBORAN**

##### **2.2.1 Nombor Muka Surat**

- (a) Tulisan Rumi : nombor muka surat hendaklah berada di sebelah bawah dan di tengah muka surat.
- (b) Tulisan Arab/Jawi : nombor muka surat hendaklah berada di sebelah bawah dan di tengah muka surat.

##### **2.2.2 Jenis Nombor Rumi**

- (a) Muka surat permulaan hendaklah dinomborkan dengan angka kecil Roman secara

- berturut-turut: i, ii, iii dan seterusnya.
- (b) Nombor muka surat teks hendaklah menggunakan angka 1, 2, 3 dan seterusnya.
  - (c) Penomboran subtajuk hanya sehingga empat titik perpuluhan sahaja.
  - (d) Subtajuk seterusnya menggunakan abjad kecil (a,b,c) dan subtajuk di bawahnya menggunakan angka kecil Roman (i,ii,iii).

### **2.2.3 Jenis Nombor Arab/Jawi**

- (a) Muka surat permulaan (bermula dari muka surat tajuk) hendaklah dinomborkan dengan menggunakan abjad Arab... .. أ، ب، ج، د
- (b) Nombor muka surat teks hendaklah menggunakan... ١، ٢، ٣

## BAHAGIAN 3

### SUSUNAN DAN KANDUNGAN

#### 3.1 SUSUNAN

Susunan dan kandungan tesis/disertasi hendaklah mengikut aturan berikut:

- (a) MUKA SURAT TAJUK  
*(Penulisan dalam bahasa Arab atau bahasa Inggeris, hendaklah diikuti dengan terjemahan dalam bahasa Melayu).*
- (b) PENGAKUAN
- (c) PENGHARGAAN
- (d) ABSTRAK
- (e) ABSTRACT
- (f) KANDUNGAN
- (g) SENARAI JADUAL
- (h) SENARAI RAJAH
- (i) SENARAI TRANSLITERASI\*
- (j) SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN/ TATANAMA/ ISTILAH\*
- (k) SENARAI KES\*
- (l) SENARAI STATUT\*
- (m) SENARAI LAMPIRAN
- (n) TEKS (Senarai bab yang terkandung dalam tesis/disertasi)
- (o) RUJUKAN
- (p) LAMPIRAN

*\*bergantung pada kesesuaian bidang*

##### 3.1.1 Muka Surat Tajuk

Muka Surat Tajuk ditaip selang satu baris (*single spacing*) menggunakan huruf besar dan mengandungi maklumat yang ada dalam templat tesis KUIS seperti berikut:

- (a) Tajuk Tesis (ditulis dalam bentuk piramid terbalik)
- (b) Nama penuh calon (mengikut kad pengenalan atau Mykad atau passport)
- (c) Tujuan penulisan dikemukakan
- (d) Nama fakulti yang menganugerahkan ijazah
- (e) Nama Universiti
- (f) Tahun penyerahan.

**CONTOH: MUKA SURAT TAJUK BAHAGIAN DALAM TESIS**

*'ULŪM AL-ḤADĪTH* ANTARA MAZHAB HANAFI DAN MAZHAB SYAFII:  
PERBANDINGAN ANTARA KITAB *ZAFAR AL-AMĀNĪ* DAN KITAB  
*MANHAJ DHAWĪ AL-NAZAR*

MOHD. KHAFIDZ BIN SORONI

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

2019

### 3.1.2 Pengakuan

Pengakuan hendaklah pada muka surat baharu selepas muka surat tajuk. Ditaip di tengah-tengah muka surat tersebut.

#### CONTOH: PENGAKUAN BAHASA MELAYU

<b>PENGAKUAN</b>	
<p>Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali mukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.</p>	
22 Julai 2019	<b>MOHD. KHAFIDZ BIN SORONI</b> 13PI01013P

#### CONTOH: BAHASA INGGERIS

<b>DECLARATION</b>	
<p>I hereby declare that the work in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.</p>	
29 May 2015	<b>NORMAZAINI BINTI SALEH</b> P 39389

#### CONTOH: BAHASA ARAB

<b>الإقرار</b>	
<p>إنني أقرُّ بأنَّ هذا البحث ثمره عملي وجهدي إلا المقتطفات والمختصرات التي أحلّمت من مصادرها ومراجعتها</p>	
يعقوب بن حسن	2017/10/9م
<b>13PI01001P</b>	

### 3.1.3 Penghargaan

Penyataan penghargaan terhadap sebarang bantuan yang diberikan kepada calon oleh ahli keluarga, orang perseorangan atau pertubuhan dalam penyediaan tesis/disertasi. Perkataan PENGHARGAAN dan teksnya ditulis dengan format yang telah disediakan dalam templat tesis KUIS seperti contoh berikut:

- (a) *Upper margin* : 3.0 cm
- (b) *Align text* : *Center*
- (c) *Line spacing* : 1.0
- (d) *Paragraph spacing* : 2 *enters*.

#### CONTOH: PENGHARGAAN

##### PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji hanya bagi Allah SWT yang dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya kajian ini dapat diselesaikan jua meskipun banyak kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh pengkaji dalam usaha menyiapkannya. Selawat dan salam yang paling sempurna ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW yang mutiara-mutiara sabdaannya menjadi asas kepada sebab terhasilnya tesis ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat dalam proses penyiapan tesis ini sama ada secara langsung mahu pun secara tidak langsung. Istimewanya kepada kedua-dua penyelia tesis, iaitu Dr. Phayilah Yama @ Fadhilah Zakaria (KUIS) selaku penyelia dalam dan Prof. Madya Dr. Faisal Ahmad Shah (UM) selaku penyelia luar yang telah banyak memberikan dorongan, semangat dan tunjuk ajar sepanjang pengkaji menyiapkan tesis ini. Juga kepada Prof. Dr. Muhammad Mustaqim bin Mohd. Zarif (USIM) yang telah membuat penambahbaikan terhadap cadangan tesis semasa peringkat mempertahankan tajuk, serta Prof. Madya Dr. Latifah binti Abdul Majid (UKM) dan Dr. Rosni binti Wazir (KUIS) yang telah membuat pemantapan terhadap draf akhir tesis. Begitu juga kepada Prof. Madya Dr. Ahamad Asmadi bin Sakat (UKM), Prof. Madya Dr. Mohd. Fauzi bin Mohd. Amin (USIM) dan Dr. Farhah Zaidar binti Mohamed Ramli (KUIS) selaku barisan pemeriksa dan jawatankuasa peperiksaan lisan (*viva voce*) tesis ini. Dan tidak lupa kepada Prof. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri (Rektor KUIS) yang telah banyak memberikan sokongan sehinggalah tesis ini berjaya disiapkan dengan sempurna.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada rakan-rakan di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS yang sering memberikan ruang dan dorongan untuk pengkaji terus menamatkan perjalanan kajian tesis ini. Seterusnya terima kasih yang tidak terperi buat keluarga tersayang, khususnya kedua-dua ibu bapa yang tidak sempat untuk melihat kepada penamat kisah perjalanan tesis ini kerana terlebih dahulu kedua-duanya pulang menemui Allah SWT. Semoga Allah melimpahkan rahmat dan keampunan-Nya yang tidak terhingga buat ayahanda, Soroni @ Hj. Ahmad Mughni bin Abd. Rahman (2018) dan ibunda, Hjh. Fauziah binti Hj. Husin (2015).

Ucapan terima kasih yang tidak terputus juga buat isteri tercinta, Asnah binti Mohd. Taib dan anak-anak yang selalu menjadi sumber aspirasi buat pengkaji untuk terus menguatkan semangat dalam menempuh berbagai cabaran kehidupan dan secara khusus dalam mengharungi medan akademik, pendidikan dan dakwah ini. Pengorbanan dan sumbangan kalian semua secara langsung mahu pun tidak langsung tidak akan dapat dilupakan selama-lamanya dan hanya Allah SWT sahaja yang akan mampu membalasnya dengan balasan yang setimpal. Amin.

### 3.1.4 Abstrak dan Terjemahannya

Abstrak hendaklah ditulis dalam satu perenggan, selang satu baris (*single spacing*) pada muka surat baharu selepas muka surat penghargaan. Perkataan ABSTRAK dan teksnya ditulis dengan format yang disediakan dalam templat tesis KUIS berikut:

- (a) Perkataan ABSTRAK ditaip 3.0 cm dari jarak atas (*Upper margin: 3.0 cm*)
- (b) Perkataan ABSTRAK ditaip pada jajaran tengah muka surat (*Align text: center*)
- (c) Jarak tajuk ABSTRAK dengan ayat pada baris pertama karangan abstrak penuh ialah 3 *enters*
- (d) Panjang teks abstrak: 200-300 patah perkataan dan ditulis dalam satu muka surat sahaja

Abstrak hendaklah merangkumi maklumat berikut:

- (a) Pengenalan (isu, permasalahan)
- (b) Objektif kajian
- (c) Metodologi kajian
- (d) Hasil kajian
- (e) Implikasi kajian
- (f) Kesimpulan

Bahasa yang digunakan dalam penulisan abstrak adalah bergantung kepada bahasa yang digunakan dalam penulisan tesis seperti berikut:

Bahasa Penulisan Tesis/Disertasi	Bahasa Penulisan ABSTRAK
Bahasa Melayu	Bahasa Melayu (Abstrak) Bahasa Inggeris (Terjemahan)
Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris (Abstrak) Bahasa Melayu (Terjemahan)
Bahasa Arab	Bahasa Arab (Abstrak) Bahasa Melayu (Terjemahan) Bahasa Inggeris (Terjemahan)



## CONTOH: ABSTRAK BAHASA MELAYU

### PENDEKATAN PENGAJARAN BERASASKAN *MANHAJ AL-TADARRUJ* KEPADA SAUDARA BAHARU DI MALAYSIA

#### ABSTRAK

Kelas-kelas pengajian kepada saudara baharu sudah banyak diwujudkan, namun terdapat pelbagai masalah yang timbul dalam pelaksanaan pengajaran terhadap saudara baharu. Pelaksanaan pengajaran Islam terhadap saudara baharu memerlukan suatu pendekatan secara beransur-ansur (*al-tadarruj*) kerana keadaan saudara baharu yang baru berjinak mengenali Islam. Pengabaian terhadap pendekatan pengajaran secara beransur-ansur (*al-tadarruj*) boleh membawa kepada tahap kefahaman yang rendah tentang Islam, malah boleh menjadikan saudara baharu tidak boleh beramal dengan ajaran Islam secara sempurna. Sehubungan itu, kajian telah menetapkan empat objektif iaitu meneroka pelaksanaan pengajaran di institusi pengajian saudara baharu di Malaysia, menganalisis persepsi saudara baharu terhadap pelaksanaan pengajaran yang dijalankan terhadap mereka, meneliti kefahaman tenaga pengajar saudara baharu terhadap pendekatan *manhaj al-tadarruj* dalam pelaksanaan pengajaran, seterusnya menilai pendekatan *manhaj al-tadarruj* dalam pelaksanaan pengajaran kepada saudara baharu di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian lapangan berdasarkan pemilihan sampel bertujuan. Pengumpulan data dibuat melalui temu bual seramai 15 orang peserta kajian, pemerhatian dalam kelas, pengumpulan dokumen dan triangulasi soal selidik terhadap 77 orang responden kajian. Pendekatan analisis data secara tematik melalui perisian Atlas.ti.8 telah digunakan bagi data temu bual dan pemerhatian, manakala data dokumen dianalisis secara deskriptif. Data soal selidik pula telah dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS versi 21. Kajian mendapati pelbagai pendekatan pengajaran yang telah diaplikasi dalam pengajaran terhadap saudara baharu, mempunyai modul dan penggunaan alat bantu mengajar secara terhad khususnya yang melibatkan alat teknologi moden. Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar dan saudara baharu dalam pelaksanaan pengajaran. Persepsi saudara baharu terhadap pelaksanaan pendekatan pengajaran menunjukkan tahap sangat tinggi iaitu mencatatkan nilai min 4.12. Sebahagian kecil tenaga pengajar menyatakan mereka memahami pendekatan *manhaj al-tadarruj* dalam pengajaran. Kajian mendapati, terdapat elemen-elemen *al-tadarruj* yang telah digunakan oleh sebahagian besar tenaga pengajar dalam pendekatan pengajaran. Kajian ini mengemukakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan model pendekatan pengajaran berasaskan *manhaj al-tadarruj* kepada saudara baharu di Malaysia.

## CONTOH: ABSTRAK BAHASA INGGERIS

### TEACHING APPROACH BASED ON *MANHAJ AL-TADARRUJ* TO THE MUSLIM CONVERT IN MALAYSIA

#### ABSTRACT

Despite the abundance of classes available for the Muslim convert, there are still issues on how the classes were conducted. The teaching of Islam to Muslim convert requires a gradual (*al-tadarruj*) approach because they are only just being introduced to Islam. Negligence towards the needs for the Muslim convert to have a gradual (*al-tadarruj*) approach can lead to a poor understanding of Islam, and this can also affect their practice of the religion. Hence the study aimed at; exploring the teaching approach in the Muslim convert learning centre in Malaysia, analysing the perception of the Muslim convert towards the teaching approach, investigating the understanding of the instructors towards the *manhaj al-tadarruj* approach and lastly, evaluating the *manhaj al-tadarruj* approach in its application in the teaching of Muslim convert in Malaysia. The study employed qualitative design using the fieldwork approach. The participants were selected using the purposive sampling. Data collections were done through interviews with 15 participants, classroom observation, document analysis and triangulation with questionnaire to 77 respondents. Data from the interviews and observation were analysed thematically using the software Atlas.ti.8. Data from document collected was analysed descriptively. The questionnaire data was also analysed descriptively using the SPSS version 21 software. The study found out that there are a few teaching approaches used to help the Muslim convert in class. There are also modules and teaching aid used, but with limited scope, especially on the use of technology. There are a few challenges faced by the instructors and the Muslim convert in the learning process. The perception of Muslim converts towards the teaching approach shown a high mean result of 4.12. A small number of the instructor stated that they understood the *manhaj al-tadarruj* approach in the teaching of the Muslim convert. The study discovered that there are elements of *al-tadarruj* used by most of the instructors in their teaching. Finally, the study proposed a lesson plan (Rancangan Pengajaran Harian) and a model of teaching approach based on *manhaj al-tadarruj* to the Muslim convert in Malaysia.

## CONTOH: ABSTRAK BAHASA ARAB

التصريف في اللهجة الحجازية الحضرية والعربية الفصحى: (دراسة مقارنة)

### الملخص

تجمع منطقة الحجاز ولا سيما مكة المكرمة والمدينة المنورة جميع شعوب العالم المسلمة لكونها منطقة مقدسة وفيها قبلة للمسلمين، ويستخدم أهلها لهجة خاصة تختلف عن اللغة العربية الفصحى في بعض الجوانب التي تتعلق بالأصوات وتصريف الكلمات والألفاظ، وتأتي هذه الدراسة للمعنية بالتصريف في اللهجة الحجازية للموازنة بينها وبين قواعد صرف العربية الفصحى لمعرفة جوانب التشابه والاختلاف، وقد تطرق الباحث بداية إلى دراسة آراء الباحثين القدامى والمحدثين في أصل اللغة العربية ونشأة اللغة العربية الفصحى ولهجاتها الحديثة من خلال المنهج التاريخي، كما استعان بالبحث بالمنهج الوصفي والمقارن لدراسة ظاهرة الاختلاف بين النظامين من الناحية الصرفية من خلال منهج السماع الذي يستند على التسجيل المبني على المشافهة عبر برنامج التواصل الاجتماعي مع مجموعة أشخاص ينتسبون إلى أرض الحجاز، وذلك بغية الوصول إلى تفعيد القواعد الصرفية الحجازية. ومن أهم النتائج التي توصلت إليها الدراسة أنّ اللهجة الحجازية الحضرية هي لهجة من اللهجات العربية الحديثة التي تكونت نتيجة نزوح العرب من القبائل المختلفة إلى أرض البلاد الأجنبية المغزوة في عصر الفتوحات الإسلامية والعيش مع أهلها وهجرة بعض مسلمي تلك البلاد المغزوة وغير المغزوة إلى أرض الحجاز والبقاء فيها لمدة طويلة وخضوع المنطقة للحكم العثماني الذي دام أكثر من أربعة قرون. كما أنّ الدراسة توصلت إلى أنّ الحجازيين الحضريين لا يستخدمون حرف (الهاء) وحرف (الطاء) وحرف (الصاد)، وحرف (القاف)، كما يبدلون حرف (الهمزة) في بعض المواضع بحرف (الياء)، وفي مواضع أخرى يبدلوها بحرف (الألف)، كما أهملت الحجازية الإعراب وأصبحت تسكّن آخر حرف الفعل سواء أكان الفعل ماضيًا أم مضارعًا أم أمرًا.

### 3.1.5 Kandungan

Kandungan hendaklah dimulakan pada muka surat baharu. Perkataan KANDUNGAN dan teksnya ditulis dengan format yang disediakan dalam templat tesis KUIS seperti contoh berikut:

- (a) *Upper margin: 3.0 cm*
- (b) *Align text: center*
- (c) *Line spacing: 1.5*
- (d) *Paragraph spacing: 1 enter*

Tajuk PENGAKUAN hingga SENARAI LAMPIRAN hendaklah menggunakan format selang 1.5 *spacing* dan jarak 1 *enter* antara satu sama lain.

Selang baris dan jarak antara satu sama lain dalam penulisan kandungan bab boleh dilihat dalam contoh format kandungan di bawah.

## CONTOH: FORMAT KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	
	<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xii
<b>SENARAI TRANSLITERASI</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Definisi Operasi Kajian	14
1.8 Kerangka Teori Kajian	17
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	18
1.10 Skop Kajian	20
1.11 Kesimpulan	22

<b>BAB 2</b>	<b>ULASAN KEPUSTAKAAN</b>	<b>23</b>
2.1	Pengenalan	23
2.2	Sumber-Sumber <i>Manhaj al-Tadarruj</i> dalam Islam	23
2.3	Model dan Teori Kajian	38
2.4	Pendekatan Pengajaran dalam Pendidikan Saudara Baharu	50
2.5	<i>Manhaj al-Tadarruj</i> dalam Pelaksanaan Pengajaran Kepada Saudara Baharu	63
2.6	Kajian-Kajian Lepas	87
2.7	Kesimpulan	101
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>102</b>
3.1	Pengenalan	102
3.2	Reka Bentuk Kajian	103
3.3	Persampelan	105
3.4	Pengumpulan Data	108
3.5	Analisis Data	114
3.6	Pentadbiran Kajian Sebenar	117
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	123
3.8	Kesimpulan	130
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>132</b>
4.1	Pengenalan	132
4.2	Pelaksanaan Pengajaran kepada Saudara Baharu di Malaysia	132
4.3	Persepsi Saudara Baharu terhadap Pelaksanaan Pengajaran	244
4.4	Kefahaman Tenaga Pengajar terhadap Pendekatan <i>Manhaj al-Tadarruj</i> dalam Pelaksanaan Pengajaran	254
4.5	Pendekatan <i>Manhaj al-Tadarruj</i> dalam Pelaksanaan Pengajaran Kepada Saudara Baharu di Malaysia	262



### 3.1.6 Senarai Jadual

Senarai jadual hendaklah dimulakan pada muka surat baharu. Perkataan SENARAI JADUAL dan teksnya hendaklah ditulis dengan format yang disediakan dalam templat tesis KUIS seperti contoh berikut:

- (a) *Upper margin: 3.0 cm*
- (b) *Align text: center*
- (c) *Line spacing: 1.0*
- (d) *Paragraph spacing: 2 enter.*

Selang baris dan jarak antara satu sama lain No. Jadual (Letakkan perkataan Jadual di hadapan nombor) dan Nama Jadual boleh dilihat dalam contoh format Senarai Jadual di bawah. Senarai Jadual mengandungi tajuk jadual seperti dalam tesis/disertasi serta dinomborkan mengikut bab.

#### CONTOH: SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL		
Jadual	Tajuk	Halaman
Jadual 3.1	Tempoh pengumpulan data kajian	120
Jadual 3.2	Pengumpulan data lapangan di institusi pengajian saudara baharu	120
Jadual 3.3	Senarai kod dan definisi kod terhadap data temu bual	122
Jadual 3.4	Senarai kod dan definisi kod terhadap data observasi dan dokumen	122
Jadual 3.5	Skala persetujuan Cohen Kappa	129
Jadual 3.6	Senarai pakar analisis persetujuan pembinaan tema data kualitatif	129
Jadual 4.1	Rumusan dapatan terhadap tema teknik menarik perhatian pelajar	133
Jadual 4.2	Rumusan dapatan terhadap tema teknik penyampaian	136
Jadual 4.3	Rumusan dapatan terhadap tema pendekatan pengajaran	162
Jadual 4.4	Rumusan dapatan bagi tema penilaian terhadap kemampuan pelajar	165
Jadual 4.5	Rumusan dapatan terhadap tema Pelajar Dewasa	170
Jadual 4.6	Rumusan dapatan terhadap tema Kaedah Bimbingan	174
Jadual 4.7	Rumusan dapatan terhadap tema aktiviti dan program	180
Jadual 4.8	Rumusan dapatan terhadap tema tempoh pengajaran	183
Jadual 4.9	Rumusan dapatan terhadap tema penilaian kaedah pengajaran	185
Jadual 4.10	Rumusan dapatan terhadap tema faktor tenaga pengajar	188
Jadual 4.11	Rumusan dapatan tema kesesuaian modul dan bahan pengajaran	193
Jadual 4.12	Rumusan dapatan tema modul dan bahan pengajaran di Institusi Pengajian Saudara Baharu	198
Jadual 4.13	Rumusan dapatan terhadap tema Medium Penyampaian	234
Jadual 4.14	Rumusan dapatan terhadap tema Alat Bantu Pengajaran	236
Jadual 4.15	Rumusan dapatan terhadap tema cabaran dalam pelaksanaan pengajaran kepada saudara baharu	238

### 3.1.7 Senarai Rajah

Senarai Ilustrasi hendaklah dimulakan pada muka surat baharu. Perkataan SENARAI RAJAH dan teksnya hendaklah ditulis dengan format yang disediakan dalam templat tesis KUIS seperti contoh berikut:

- (a) *Upper margin: 3.0 cm*
- (b) *Align text: center*
- (c) *Line spacing: 1.0*
- (d) *Paragraph spacing: 2 enter.*

Selang baris dan jarak antara satu sama lain No. Rajah (Letakkan perkataan Rajah di hadapan nombor) dan Nama Rajah. Senarai Rajah boleh dilihat dalam contoh format di bawah. Senarai Rajah menyenaraikan tajuk rajah peta, graf, carta, rajah, gambar (foto, slaid, mikrograf, grafik, animasi, lukisan dan sebagainya) dan sebagainya. Tajuk hendaklah seperti yang terdapat dalam tesis/disertasi. Dinomborkan mengikut turutan bab (contoh: Bab 1 (1.1, 1.2), Bab 2 (2.1, 2.2)).

#### CONTOH: SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH		
Rajah	Tajuk	Halaman
Rajah 1.1	Kerangka teori kajian	18
Rajah 1.2	Kerangka konseptual kajian	19
Rajah 2.1	Model <i>al-Tadarruj</i> dalam dakwah Rasulullah SAW	39
Rajah 2.2	Teori Pengajaran Ibnu Khaldun (2009)	41
Rajah 2.3	Teori Pengajaran al-Ghazali (2013)	43
Rajah 2.4	Ringkasan teori pembelajaran dewasa	47
Rajah 3.1	Metodologi kajian	103
Rajah 3.2	Prosedur temu bual dan pengumpulan data kajian	109
Rajah 3.3	Gambar proses <i>open codes</i> dalam Atlas.ti.8.	115
Rajah 3.4	Tema yang membentuk ' <i>code groups</i> ' dalam analisis Atlas.ti.8.	116
Rajah 4.1	Ringkasan model <i>al-Tadarruj</i> dalam kaedah ( <i>uslūb</i> ) pengajaran	263
Rajah 4.2	Ringkasan model <i>al-Tadarruj</i> dalam modul pengajaran	285
Rajah 4.3	Ringkasan model <i>al-Tadarruj</i> dalam medium pengajaran	292
Rajah 5.1	Model pengajaran saudara baharu berasaskan <i>Manhaj al-Tadarruj</i>	325



### 3.1.8 Senarai Transliterasi

Tajuk karya dalam bahasa Arab hendaklah ditransliterasikan sama ada mengikut kaedah sebutan atau kaedah aksara. Perkataan SENARAI TRANSLITERASI teksnya hendaklah ditulis dengan format berikut; teksnya boleh ditulis dengan format yang disediakan dalam templat tesis KUIS seperti contoh berikut:

- (a) *Upper margin: 3.0 cm*
- (b) *Align text: center*
- (c) *Line spacing: 1.0*
- (d) *Paragraph spacing: 3 enter.*

#### CONTOH: SENARAI TRANSLITERASI

SENARAI TRANSLITERASI			
<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ء	'	سأل	<i>sa'ala</i>
ب	b	بدل	<i>badala</i>
ت	t	تمر	<i>tamr</i>
ث	th	ثورة	<i>thawrah</i>
ج	j	جمال	<i>jamāl</i>
ح	ḥ	حديث	<i>ḥadīth</i>
خ	kh	خالد	<i>khālid</i>
د	d	ديوان	<i>dīwān</i>
ذ	dh	مذهب	<i>madhhab</i>
ر	r	رحمن	<i>raḥman</i>
ز	z	زمن	<i>zamzam</i>
س	s	سراب	<i>sarāb</i>
ش	sh	شمس	<i>shams</i>
ص	ṣ	صبر	<i>ṣabr</i>
ض	ḍ	ضمير	<i>ḍamīr</i>
ط	ṭ	طاهر	<i>ṭāhir</i>
ظ	ẓ	ظهر	<i>ẓuhr</i>
ع	'	عبد	<i>'abd</i>
غ	gh	غيب	<i>ghayb</i>
ف	f	فقه	<i>fiqh</i>
ق	q	قاضي	<i>qāḍī</i>
ك	k	كأس	<i>ka's</i>
ل	l	لين	<i>laban</i>
م	m	مزمار	<i>mizmār</i>
ن	N	نوم	<i>nawm</i>

### 3.1.9 Senarai Simbol/ Singkatan/ Tatanama/ Istilah

Senarai SIMBOL/ SINGKATAN/ TATANAMA/ ISTILAH hendaklah dimulakan pada muka surat baharu selepas muka surat senarai transliterasi. Perkataan SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN/ TATANAMA/ ISTILAH dan teksnya hendaklah ditulis dengan format yang disediakan dalam templat tesis KUIS seperti contoh berikut:

- (a) *Upper margin: 3.0 cm*
- (b) *Align text: center*
- (c) *Line spacing: 1.0*
- (d) *Paragraph spacing: 3 enter.*

Suatu ringkasan sistematik yang mewakili sesuatu nilai/ hubungan/ kesatuan/ persetujuan. Digunakan dalam penulisan berkaitan sesuatu bidang untuk menunjukkan sesuatu operasi, kuantiti, unsur atau kualiti. Termasuk simbol matematik/statistik, tatanama, unit dan ikon teknologi maklumat. Disusun mengikut urutan abjad.

#### CONTOH: SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH

SENARAI SINGKATAN	
bil.	bilangan
Dr.	Doktor
ed.	edisi
<i>et al.</i>	dan pengarang-pengarang lain
H	hijrah
HR	Hadis riwayat
KUIS	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
no.	nombor
Prof.	Profesor
RA	<i>Raḍiy Allah 'anh</i>
SAW	<i>Ṣalla Allahu 'Alayhi wa Sallam</i>
SWT	<i>Subḥanahu wa Ta'āla</i>
t.p.	tiada penerbit
t.t.	tiada tarikh
t.tp.	tiada tempat penerbit
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
vol.	volume
w.	wafat

### 3.1.10 Senarai Kes

SENARAI KES hendaklah ditulis pada muka surat baharu. Perkataan SENARAI KES dan teksnya hendaklah ditulis dengan format yang disediakan dalam templat tesis KUIS seperti contoh berikut:

- (a) *Upper margin: 3.0 cm*
- (b) *Align text: center*
- (c) *Line spacing: 1.0*
- (d) *Paragraph spacing: 2 enter.*

Selang baris dan jarak antara satu sama lain SENARAI KES boleh dilihat dalam contoh format SENARAI KES di bawah. Disusun mengikut urutan abjad.

#### CONTOH: SENARAI KES

SENARAI KES		
Kes	Tajuk	Muka surat
Kes 1:	Assa Singh v Menteri Besar, Johore [1969] 2MLJ30	28
Kes 2:	Datuk Hanafi bin Haji Ismail v PP [1977] 2MLJ155	29
Kes 3:	Adelaide Co of Jehovah's Witnesses Inc v Commonwealth [1943] 67CLR116	30
Kes 4:	Ahmad Lubis bin Phatail v Legislative Assembly of Sarawak [1988] 1MLJ171	31

### 3.1.11 Senarai Statut

SENARAI STATUT hendaklah ditulis pada muka surat baharu. Perkataan SENARAI STATUT dan teksnya hendaklah ditulis dengan format yang disediakan dalam templat tesis KUIS seperti contoh berikut:

- (a) *Upper margin: 3.0 cm*
- (b) *Align text: center*
- (c) *Line spacing: 1.0*
- (d) *Paragraph spacing: 2 enter.*

Disusun mengikut urutan abjad. Diasingkan antara statut Malaysia dengan statut negara lain.

CONTOH: SENARAI STATUT

} 3.0 cm <b>SENARAI STATUT</b>		<b>Halaman</b>
	} spacing 1.0 2 enters	
	} spacing 1.0 2 enters	
Akta Penapisan Filem 2002		211
Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960		140
Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986		130
Akta Dadah Berbahaya 1952		110
Akta Pencegahan Jenayah 1959	} spacing 1.0 1 enter	105
Akta Pembaharuan (Perkahwinan dan Penceraian) 1976		97
Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957		50
	} spacing 1.0 2 enters	
<b>Singapura</b>		
Dangerous Drugs Act 1973		200
Legal Profession Act 1981	} spacing 1.0 1 enter	150
Human Organ Transplant Act 1987		100
	} spacing 1.0 2 enters	
<b>United Kingdom</b>		
Human Rights Act 1998		119
Employment Rights Act 1996	} spacing 1.0 1 enter	215
Children Act 2004		85

### 3.2 PANJANG TEKS

Peringkat pengajian	Jumlah patah perkataan
Ijazah Doktor Falsafah (Penyelidikan)	<p>Minimum jumlah patah perkataan adalah merujuk kepada standard program seperti bidang berikut:</p> <p>(a) Pendidikan: Minimum 80,000 hingga 100,000 patah perkataan.</p> <p>(b) Pengajian Islam: Minimum 60,000 hingga 100,000 patah perkataan.</p> <p>(c) Bahasa: Minimum 75,000 hingga 100,000 patah perkataan.</p> <p>(d) Syariah dan Undang-Undang: Minimum 80,000 hingga 100,000 patah perkataan.</p> <p>(e) Perniagaan: Minimum 80,000 hingga 100,000 patah perkataan.</p> <p>(f) Perakaunan: Minimum 80,000 hingga 100,000 patah perkataan.</p> <p>(g) Media dan Komunikasi: Minimum 80,000 hingga 100,000 patah perkataan.</p> <p>(h) Kewangan Islam dan Muamalat: Minimum 80,000 hingga 100,000 patah perkataan.</p> <p>(i) Komputeran: Minimum 80,000 hingga 100,000 patah perkataan.</p>
Ijazah Sarjana (Penyelidikan)	<p>Minimum jumlah patah perkataan adalah merujuk kepada standard program seperti bidang berikut:</p> <p>(a) Pendidikan: Minimum 50,000 hingga 60,000 patah perkataan.</p> <p>(b) Pengajian Islam: Minimum 30,000 hingga 60,000 patah perkataan.</p> <p>(c) Syariah dan Undang-Undang: Minimum 40,000 hingga 50,000 patah perkataan.</p> <p>(d) Perniagaan: Minimum 30,000 hingga 60,000 patah perkataan.</p> <p>(e) Perakaunan: Minimum 30,000 hingga 60,000 patah perkataan.</p> <p>(f) Media dan Komunikasi: Minimum 30,000 hingga 60,000 patah perkataan.</p>

	<p>(g) Kewangan Islam dan Muamalat: Minimum 30,000 hingga 60,000 patah perkataan.</p> <p>(h) Multimedia Kreatif: Minimum 30,000 hingga 60,000 patah perkataan.</p>
Ijazah Sarjana (Kertas Projek)	<p>Minimum jumlah patah perkataan adalah merujuk kepada standard program seperti bidang berikut:</p> <p>(a) Perniagaan: Minimum 12,000 hingga 15,000 patah perkataan. (6 jam kredit)</p> <p>(b) Perakaunan: Minimum 12,000 hingga 15,000 patah perkataan. (6 jam kredit)</p> <p>(c) Media dan Komunikasi: Minimum 12,000 hingga 15,000 patah perkataan. (6 jam kredit)</p> <p>(d) Kewangan Islam dan Muamalat: Minimum 12,000 hingga 15,000 patah perkataan. (6 jam kredit)</p>
Ijazah Sarjana (Campuran)	<p>Minimum jumlah patah perkataan adalah merujuk kepada standard program seperti bidang berikut:</p> <p>(a) Bahasa: Minimum 16,000 hingga 30,000 patah perkataan</p>

*\*Jumlah perkataan termasuk nota kaki, petikan lampiran, rumus, jadual dan ilustrasi.*

### 3.3 PENULISAN BAB

Penulisan BAB 1, BAB 2, BAB 3, BAB 4 dan BAB 5\* hendaklah bermula pada muka surat baharu. Perkataan BAB hendaklah ditulis 5.0 cm dari jidar (*margin*) atas dan di tengah-tengah antara jidar kiri dengan jidar kanan dan huruf ditebalkan (*bold*). Semua format ini telah disediakan dalam templat tesis KUIS.

*\*tambahan atau perubahan bab mengikut kepada keperluan bidang.*

#### 3.3.1 Kandungan Teks

Kandungan teks pada tesis/disertasi adalah terletak pada setiap bab yang diwujudkan. Bilangan bab dan subtopik bagi setiap bab adalah mengikut kesesuaian pada bidang kajian yang tertentu. Berikut dinyatakan cadangan subtopik bagi setiap bab:

### BAB 1 - PENDAHULUAN

Menerangkan perkara-perkara berikut:

- 1.1 Pengenalan
- 1.2 Latar Belakang Kajian
- 1.3 Permasalahan Kajian

- 1.4 Objektif kajian
- 1.5 Persoalan Kajian
- 1.6 Hipotesis Kajian\*
- 1.7 Batasan/ Skop kajian
- 1.8 Kepentingan kajian
- 1.9 Kerangka Teori/ Konseptual Kajian\*
- 1.10 Definisi Istilah/ Gagasan Istilah\*
- 1.11 Penutup

*\*mengikut keperluan bidang/kajian*

## **BAB 2 - ULASAN KEPUSTAKAAN/SOROTAN KAJIAN/LITERATURE REVIEW\***

Kupasan kepada bahan bacaan berkaitan dengan permasalahan/persoalan kajian merujuk perkara-perkara berikut:

- 2.1 Pengenalan
- 2.2 Teori dan model
- 2.3 Kajian/hipotesis/bacaan/sumber/bahan sedia ada berkaitan fokus kajian.\*
- 2.4 Kajian Lepas (Kajian dalam negara dan kajian luar negara) hingga seterusnya bergantung kepada tajuk kajian.
- 2.5 Penutup

*\*bergantung pada fokus kajian*

## **BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN**

Menerangkan tatacara menjalankan kajian meliputi perkara-perkara berikut :

- 3.1 Pengenalan
- 3.2 Kajian Analisis Awal\*
- 3.3 Reka bentuk Kajian
- 3.4 Populasi/Kaedah Pensampelan/Sampel
- 3.5 Prosedur Pengumpulan Data
- 3.6 Kesahan & Kebolehpercayaan
- 3.7 Kaedah Analisis Data
- 3.8 Penutup

*\*Pembahagian subtopik bergantung pada keperluan metodologi penyelidikan yang digunakan.*

## **BAB 4 – DAPATAN KAJIAN/ANALISIS DATA\***

Hendaklah dikembangkan mengikut kerangka kajian yang membincangkan analisis data dan dapatan kajian seperti perkara-perkara berikut:

- 4.1 Pengenalan
- 4.2 Dapatan dan Analisis \*
- 4.3 Perbincangan \*
- 4.4 Penutup

*\*subtopik yang seterusnya adalah bergantung pada dapatan dan analisis data yang selaras dengan objektif kajian.*

## **BAB 5 - RUMUSAN, PERBINCANGAN, DAN CADANGAN/PENUTUP\***

- 5.1 Pengenalan
- 5.2 Rumusan
- 5.3 Perbincangan\*
- 5.4 Cadangan\*\*

## 5.5 Penutup

*\*pembahagian subtopik bergantung pada keperluan penyelidikan yang dijalankan.*

*\*\*Subtopik yang seterusnya adalah bergantung pada Rumusan, Perbincangan, dan Cadangan yang selaras dengan persoalan kajian\**

### 3.3.2 Penulisan Bab

BAB 1 hendaklah ditulis 2.5 cm dari jarak atas dan di tengah-tengah antara jarak kiri dengan jarak kanan.

Tajuk bab hendaklah dimulakan selang tiga enters di bawah perkataan BAB 1 dan terletak di tengah-tengah antara jarak kiri dengan jarak kanan. Bab dan Tajuk Bab dipisahkan oleh 2 kali SHIFT + ENTER.

Subtajuk atau kandungan bab dimulakan selang dua baris (double spacing) di bawah tajuk bab dan hendaklah memenuhi keperluan jarak.

Penomboran subtajuk sehingga tiga tempat perpuluhan sahaja (sehingga tahap keempat sahaja). Contoh: 1.1, 1.1.1, 1.1.1.1

Penomboran subtajuk bagi tahap kelima hendaklah dimulakan dengan abjad huruf kecil (a, b, c...). Bagi tahap keenam dimulakan dengan nombor roman kecil (i, ii, iii...). Tiada penomboran bagi tahap selanjutnya.



## CONTOH: HALAMAN MEMULAKAN BAB DAN ISI TEKS

### BAB 1

#### PENDAHULUAN

##### 1.1 Pengenalan

*Manhaj al-tadarruj* merupakan metodologi beransur-ansur atau bertahap. Metode ini banyak dibincangkan dalam konteks penyampaian dakwah Islamiah. Sejarah dakwah Rasulullah SAW telah memperlihatkan pelbagai cara dan pendekatan yang digunakan oleh baginda dalam menyampaikan ajaran Islam. Penyampaian dakwah Rasulullah SAW telah melalui beberapa fasa dan tahap dimulai dengan penyebaran dakwah secara sembunyi, kemudian diikuti oleh penyebaran dakwah secara terbuka sehingga berlangsungnya beberapa fasa hijrah dalam sejarah Islam (al-Būṭī: 2000). Semua tahap dan fasa yang dilalui oleh Rasulullah SAW ini membuktikan telah berlaku proses *al-tadarruj* dalam penyebaran dakwah Islam.

Metode yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan ajaran Islam ini boleh menjadi satu sandaran kepada proses penyampaian pengajaran yang berlangsung pada hari ini. Kejayaan yang diraih oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan dan menyebarkan ajaran Islam juga membuktikan keberkesanan metode yang digunakan oleh baginda. Justeru kajian ini menampilkan pendekatan dakwah yang digunakan oleh Rasulullah SAW sebagai satu pendekatan yang boleh digunakan dalam pengajaran kepada saudara baharu.

Bagi mengetengahkan isu ini, bab satu dalam kajian ini telah membincangkan beberapa perkara yang menggambarkan keseluruhan kajian bermula dengan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan

### 3.3.3 Jadual dan Rajah

Sekiranya sesebuah penulisan ilmiah memerlukan JADUAL dan RAJAH, panduan berikut hendaklah dipatuhi.

#### 3.3.3.1 Jadual

Tajuk JADUAL hendaklah ditulis di bahagian atas JADUAL.

Sekiranya kedudukan sesuatu JADUAL itu melintang, bahagian atasnya hendaklah terletak di sebelah tulang belakang tesis/disertasi.

JADUAL hendaklah dinomborkan mengikut bab.

Perkataan JADUAL dan nombornya hendaklah ditulis sebelum tajuk JADUAL.

#### CONTOH: JADUAL BENTUK MENEGAK DAN MELINTANG

**Jadual 4.3 Rumusan dapatan terhadap tema pendekatan pengajaran**

Tema	Sub Tema	Sub-sub Tema
Pendekatan Pengajaran	Mengenal pelajar	Melalui taaruf, kenali tahap saudara baharu, jumpa secara individu, dakwah fardiyyah
	Bina hubungan	Bermula dengan solat, mengenali secara dekat, sapaan, jemput ke rumah, kenal sebelum memulakan pengajaran, saling membantu, bertanya khabar, bertoleransi, riadah bersama, makan bersama, mewujudkan penasihat akademik
	Mesra	Fasilitator, sebagai rakan, berbual,

Sumber: Temu bual & Pemerhatian (2017)

ATAU,

**Jadual 6.1: Analisis deskriptif penilaian konteks kesesuaian matlamat dan hasil pembelajaran praktikum/ program**

Kod	Item	Min	Sp	Interpretasi
BA 01	Matlamat program perguruan adalah untuk mempraktikkan peranan guru sebagai Mu'allim, Murabbi, Mudarris, Muaddib, Mubaligh dan Mursyid	4.53	0.73	Tinggi
BA 02	Matlamat praktikum ialah guru pelatih dapat mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah.	4.6	0.49	Tinggi
BA 03	Matlamat praktikum sesuai dengan keperluan Diploma Perguruan di Fakulti Pendidikan, KUIS.	4.3	0.65	Tinggi
BA 04	Matlamat praktikum sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	4.17	0.65	Tinggi
	Jumlah	4.40	0.63	Tinggi

Konstruk	Definisi konseptual	Sumber	Sumber Pengukuran	Jumlah item	Skala
WFC & FWC	Konflik yang berlaku apabila tuntutan peranan daripada domain kerja dan domain keluarga tidak dapat disesuaikan dalam keadaan tertentu; tuntutan dan tekanan domain kerja mengganggu keluarga (WFC).	Greenhaus & Beutell (1985); Netemeyer, Boles & McMurrin (1996)	Netemeyer, Boles & McMurrin (1996)	10	Likert 1-5
Tanggapan sokongan penyelia	Persepsi atau tanggapan sokongan instrumental dan emosi yang diterima oleh pekerja daripada penyelia mereka.	Barera(1986); Ayman & Antani (2008)	Lambert (2000)	8	Likert 1-5
Tanggapan sokongan keluarga	Persepsi atau tanggapan sokongan instrumental dan emosi yang diterima oleh pekerja daripada keluarga mereka.	Barera (1986); Ayman & Antani (2008)	Baruch-Feldman et al. (2002); Frone dan Yardley (1996)	8	Likert 1-5
LMX	Kualiti hubungan antara pekerja dan penyelia berdasarkan proses pertukaran sosial dan norma timbal balas yang mana perbuatan baik dapat balasan baik.	Graen & Ullh-Bien (1995); Gerstner & Day (1997)	Graen & Ullh-Bien (1995)	7	Likert 1-5

### 3.3.3.2 *Rajah*


Tajuk RAJAH hendaklah ditulis di bahagian bawah.

Sekiranya kedudukan sesuatu RAJAH itu melintang, bahagian atasnya hendaklah terletak di sebelah tulang belakang tesis/disertasi.

RAJAH hendaklah dinomborkan mengikut bab.

Perkataan RAJAH dan nombornya hendaklah ditulis sebelum tajuk RAJAH

#### CONTOH: RAJAH



### 3.3.3.3 *Petikan*

Petikan yang disisip dalam ayat hendaklah tidak melebihi 40 patah perkataan dan mesti dimulai dan diakhiri dengan tanda petik "..."

Petikan yang melebihi 40 patah perkataan hendaklah ditulis 1 enter berasingan pada perenggan yang baharu dengan *single spacing* dengan santak (*indent*) kanan dan kiri.

Petikan bahasa asing (selain bahasa teks) hendaklah ditulis dengan huruf condong.

Contoh:

Charles Brooke (dalam Morris, 1989: 182), yang merupakan pemerintah kedua Sarawak telah menulis tentang Melanau pada tahun 1866, iaitu "*This is the most numerous and widely ranged tribe, far different from the rest, with ramifications extending over a space of hundreds of miles, and occupying localities in the interior.*"

Charles Brooke (dalam Morris 1989: 182), yang merupakan pemerintah kedua Sarawak telah menulis tentang Melanau pada tahun 1866, iaitu:

*This is the most numerous and widely ranged tribe, far different from the rest, with ramifications extending over a space of hundreds of miles, and occupying localities in the interior and centre of the island extending to the heads of the Kotei, Banger Massim and Kayan rivers in the interior, and beyond Brunei in a northward direction...The broad divisions are severally called after the countries in which they reside, each possessing different customs and dialects, but the whole coast between Rajang and Brunei is not doubt*

*in habited by these people.*

### **3.3.4 Rujukan**

Sila rujuk BAHAGIAN 5

### **3.3.5 Lampiran**

Lampiran hendaklah disusun sebagai Lampiran A, Lampiran B dan seterusnya.

Perkataan Lampiran A hendaklah ditulis jajaran tengah dan 3.0 cm dari jarak atas.

Lampiran hendaklah diberi tajuk.

Tajuk lampiran dalam senarai kandungan hendaklah sama dengan tajuk lampiran tersebut.

Bahan yang boleh dimasukkan dalam lampiran terdiri daripada glosari data kajian, jadual, soal selidik dan sebagainya yang tidak diperlukan secara langsung bagi menjelaskan perkara yang dibincangkan dalam teks.

## BAHAGIAN 4

### RUJUKAN DALAM TEKS

#### 4.1 PENDAHULUAN

Rujukan dalam teks memberikan manfaat kepada penulis dan pembaca untuk mengetahui sumber dan maklumat asli mengenainya. Pelajar hendaklah menggunakan ‘Sistem Pengarang (tahun)’ secara konsisten dalam penulisan.

#### 4.2 SISTEM PENGARANG (TAHUN)

- (a) Bentuk asas rujukan dalam teks yang menggunakan ‘Sistem Pengarang (tahun)’ secara sistematik dalam penulisan hendaklah mengandungi nama pengarang serta tahun seperti berikut:

Contoh:

Aminudin (2020) atau (Aminudin, 2020)

Mohd. Yasin (2021) atau (Mohd. Yasin, 2021)

- (b) Nama pengarang yang menggunakan nama keluarga, hendaklah diringkaskan kepada nama keluarga sahaja tanpa singkatan nama (initials).

Contoh:

Abu Hamid al-Ghazali (2018) dirujuk sebagai al-Ghazali (2018)

Avram Noam Chomsky dirujuk sebagai Chomsky (2021)

- (c) Nama pengarang menggunakan nama yang dikenali/ nama gelaran.

Contoh:

Al-Khair Abadi Muhammad Abu Lais (2020) dengan nama yang dikenali sebagai al-Khair Abadi dirujuk sebagai al-Khair Abadi (2020)

- (d) Nama pengarang Melayu dan India hendaklah menggunakan nama diri pengarang.

Contoh:

Makalah Zurina yang diterbitkan pada 2020 hendaklah dirujuk sebagai Zurina (2020) atau Zurina Abdullah (2020)

Manimaran A/L Subramaniam (2020) dirujuk sebagai Manimaran (2020)

##### 4.2.1 Pengarang Tunggal

Nama pengarang diikuti dengan tahun penerbitan, ditulis dalam teks seperti berikut:

Jika nama pengarang merupakan sebahagian daripada pemerihalalan nyatakan tahun penerbitan dalam kurungan ( ).

Contoh:

Zetty (2020) membuktikan...

...seperti yang dikaji oleh Salihin (2021)

Jika nama pengarang bukan merupakan sebahagian daripada pemerihalan tuliskan nama pengarang dan tahun, tanpa koma, dalam kurungan.

Contoh:

Dalam kajian mengenai pengajaran dan pembelajaran Ekonomi (Ahmad, 2021)...

Apabila nama pengarang dan tahun adalah sebahagian daripada bahan perbincangan, kurungan tidak diperlukan.

Contoh:

Dalam tahun 2020, Nik Suziana mengkaji...

Dalam satu perenggan, tahun tidak perlu dinyatakan dalam rujukan seterusnya, selagi kajian itu tidak diselangi dengan kajian lain yang dirujuk dalam penulisan itu.

Contoh:

Dalam kajian mengenai pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, Fahed (2020) memberi pandangan... Fahed juga menyatakan... .

#### **4.2.2 Pengarang Bersama**

Untuk rujukan yang pengarangnya dua orang, nyatakan kedua-dua nama pengarang setiap kali dirujuk dalam teks.

Contoh:

...Salihin dan Amin (2019) telah memberi takrif kurikulum adalah.....

...seperti yang telah dibuktikan (Faez & Fahed, 2020)

Marwana dan Halimah (2021) telah mentakrifkan penyelidikan sebagai...

Untuk rujukan yang pengarangnya lebih daripada dua orang, tulis nama pengarang pertama sahaja diikuti dengan et al. dan tahun.

Contoh:

Arshad et al. (2020) menerangkan secara terperinci tentang ...

...telah mendefinisikan pedagogi ialah satu kaedah pengajaran (Fahad et al., 2019).

#### **4.2.3 Institusi/Organisasi/Jawatankuasa sebagai Pengarang**

Rujukan daripada Institusi/Organisasi/Jawatankuasa hendaklah ditulis seperti contoh berikut:

(International Labour Office, 2019) atau International Labour Office (2019)

(Jabatan Standard Malaysia, 2020) atau Jabatan Standard Malaysia (2020)

Menurut Institute of Quality Assurance (2021)

Contoh nama pengarang institusi (seperti persatuan agensi kerajaan) yang boleh diakronimkan:

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP, 2020)

Majlis Keselamatan Negara (MKN, 2021)

#### **4.2.4 Pengarang Sama Nama**

Jika senarai rujukan merangkumi penerbitan oleh dua orang atau lebih yang namanya sama,

masukkan nama penuh atau singkatan nama pengarang-pengarang itu dalam setiap rujukan teks untuk mengelakkan kekeliruan.

Contoh:

- Shukri Salam (2020) dan Shukri Noor (2020)...

#### **4.2.5 Multirujukan**

Dua rujukan atau lebih yang ditulis bersama dipisahkan dengan tanda koma bertitik dan susunan rujukan itu hendaklah ditulis mengikut urutan abjad:

Contoh:

(Abdul Karim, 2018; Asyraf, 2020; Jalaluddin, 2017; Syukri, 2018)

Untuk lebih daripada satu rujukan oleh pengarang yang sama tahunnya dipisahkan dengan tanda koma.

Contoh:

(Nik Samihah, 2008, 2013, 2019)

Rujukan pengarang yang sama dalam tahun penerbitan yang sama disusun mengikut urutan.

Contoh:

(Kamaluddin, 2020a, 2020b)

#### **4.2.6 Maklumat rujukan tidak lengkap**

Sekiranya tahun penerbitan rujukan tidak diketahui, gunakan "t.t." (tiada tarikh).

Contoh:

- (al-Sakhāwiy, t.t.)

- (Crawford, t.t.)

#### **4.2.7 Rujukan sumber sekunder (memetik sumber dalam sumber)**

Rujukan kepada suatu sumber yang dijumpai dalam sumber lain, (rujukan asal tidak dijumpai), rujukan kepada sumber asal hendaklah dibuat melalui sumber sekunder yang dirujuk dan tahunnya.

Petikan dalam teks kelihatan seperti ini:

Contoh:

- Porter (dalam Johnson, 2017) menyatakan bahawa...

*\*Perhatikan bahawa tahun penerbitan sumber yang dirujuk sahaja (di sini Johnson).*

#### **4.2.8 Rujukan kepada komunikasi lisan**

Jika ingin merujuk kepada maklumat daripada komunikasi lisan seperti temu bual, perbincangan dalam telefon atau dalam talian, tuliskan initial dan nama keluarga (sumber) tersebut serta nyatakan tarikh komunikasi itu berlaku.

Contoh:

Penjualan menurun pada suku kedua (P. G. Brown, temu bual melalui telefon, 13 Jun 2018).



#### 4.2.9 Rujukan kepada al-Quran dan Hadis

Terjemahan Al-Quran merujuk kepada Terjemahan Al-Quran Pimpinan Ar- Rahman.

Penulisan ayat al-Quran dan maksud ayat perlu gunakan *single spacing*, jarakkan ayat dengan perenggan sebelumnya (satu *enter*). Ayat dan maksud ayat perlu jarak 1.5 cm ke dalam dari kiri dan kanan perenggan teks. Nama surah, nombor surah dan nombor ayat perlu dinyatakan di bawah maksud ayat al-Quran.

Contoh:

Firman Allah SWT:

إِنَّ نَاشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْآنًا وَأَقْوَمُ قِيَالًا ۖ

Maksudnya: Sebenarnya sembahyang dan ibadat malam lebih kuat kesannya (kepada jiwa), dan lebih tetap betul bacaannya.

(Surah *al-Muzzammil* 73:6)

Penulisan rujukan Hadis dalam teks adalah seperti berikut:

Penulisan hadis dan maksud ayat perlu gunakan *single spacing*, jarakkan ayat dengan perenggan sebelumnya (satu *enter*). Matan hadis dan maksud ayat perlu jarak 1.5 cm ke dalam dari kiri dan kanan perenggan teks.

Hadis yang dibawakan perlu diterjemahkan mengikut matan dan sanad Bahasa Arab yang lengkap serta terhampir dengan teks Arab. Matan hadis perlu diletakkan baris.

Rujukan hadis perlu ditransliterasikan.

Kaedah penulisan (Pengarang, nama kitab, nama bab, no hadis)

Contoh:

Sabda Rasulullah SAW:

قال رسول الله ﷺ: "أَوْلِمَ وَلَوْ بِشَاةٍ"

Maksudnya: "Adakanlah walimah meskipun hanya dengan seekor kambing".  
(al-Bukhari, Kitab al-Nikah, Bab al-Walimah walaw bi al-Shah, no. 4769).

Contoh :

قال رسول الله ﷺ: "أَوْلِمَ وَلَوْ بِشَاةٍ". (رواه البخاري في صحيحه).

Maksudnya: "Adakanlah walimah meskipun hanya dengan seekor kambing".  
(HR al-Bukhari, Kitab al-Nikah, Bab al-Walimah walaw bi al-Shah, no. 4769).

Rujukan Al-Quran dan Hadis juga boleh menggunakan sistem nota kaki (rujuk 4.3.4 dan 4.3.5)

Contoh Manual Perisian  
(ADAMS/Flex 2002)  
(MSC.Nastran 2003)

Contoh Perisian  
(ABAQUS/EXPLICIT 2005)  
(MATLAB 2005)

### 4.3 SISTEM NOTA KAKI

Dikenali juga dengan catatan bawah.

Nota yang ditaip pada bahagian bawah sesuatu muka surat yang menerangkan atau memberi maklumat tambahan ringkas mengenai perkara yang terdapat dalam kandungan teks pada muka surat yang berkenaan.

Sistem nota kaki ini juga digunakan untuk memberi sumber rujukan.

#### 4.3.1 Cara Penomboran Nota Kaki

Penomboran menggunakan nombor *superscript* pada tempat yang berkenaan dalam sesuatu muka surat teks. Gunakan nombor *superscript* yang sama pada bahagian bawah muka surat itu berserta catatan atau maklumat tambahan. Panjang garis pemisah antara teks dengan catatan bawah hendaklah tidak kurang daripada 4.0 cm. Nombor yang digunakan hendaklah berturutan bermula dengan nombor 1 bagi setiap bab.

Contoh:

Daerah yang menjadi tumpuan pengkaji ialah di daerah Pontian khususnya di mukim Benut<sup>1</sup>.

---

<sup>1</sup>Kedudukan daerah Pontian dan mukim Benut dalam negeri Johor terdapat pada bahagian lampiran.

#### 4.3.2 Cara Menulis Nota Kaki

Menggunakan huruf saiz 10.<sup>1</sup>

Nota kaki hendaklah ditaip selang satu baris (*single spacing*).

## BAHAGIAN 5

### SENARAI RUJUKAN

#### 5.1 PENDAHULUAN

Sistem Pengarang (tahun) yang digunakan dalam teks hendaklah diberikan sumber rujukan yang lengkap. Senarai ini diberi nama *Rujukan* dan ditulis dalam bahagian akhir tesis/disertasi, sebelum bahagian Lampiran. Penulisan Ilmiah Gaya KUIS hanya menggunakan senarai rujukan dan bukan senarai bibliografi.

#### Perhatian:

Senarai rujukan, maklumat daripada buku, jurnal, akhbar, temu bual dan sebagainya tidak dikelaskan atau dikategorikan kecuali diperlukan. Penulisan hendaklah dibuat selang satu baris (*single spacing*). Rujukan hendaklah ditulis mengikut Sistem *American-Psychological Association (APA Style)* versi terkini.

#### 5.2 TRANSLITERASI

Tajuk karya dalam bahasa Arab hendaklah ditransliterasikan sama ada mengikut kaedah sebutan atau kaedah aksara.

#### Contoh:

- (a) Transliterasi kaedah sebutan : Ath-thawrah *fīl* madīnah
- (b) Transliterasi kaedah aksara : Al-thawrah fi al-madīnah

##### 5.2.1 Senarai Transliterasi

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	,	سأل	sa' ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h	حديث	ḥadīth
خ	Kh	خالد	khālid
د	D	ديوان	dīwān

ذ	Dh	مذهب	madhhab
ر	R	رحمن	rahmān
ز	Z	زمزم	zamzam
س	S	سراب	sarāb
ش	Sh	شمس	shams
ص	Ṣ	صبر	ṣabr
ض	Ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	T	طاهر	ṭāhir
ظ	Ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	‘	عبد	‘abd
غ	Gh	غيب	ghayb
ف	F	فقه	fiqh
ق	Q	قاضي	qāḍī
ك	K	كأس	ka's
ل	L	لبن	laban
م	M	مزمار	mizmār
ن	N	نوم	nawm
هـ	H	هبط	habaṭa
و	W	وصل	waṣala
ي	Y	يسار	yasār

(a) Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ	a	فعل	Fa' ala
اِ	i	حسب	hasiba
اُ	u	كتب	kutiba

(b) Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ، آ، إ	a	كاتب، قضا	Kātib, qada
ي	i	كريم	Karīm
و	u	حروف	hurūf

(c) Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أو	Aw	قول	Qawl
أي	Ay	سيف	Sayf
ي	Iyy/i	رجعي	Raj' iyy
و	Uww/u	عدو	'aduww / 'adu

### 5.2.2 Perkecualian

Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada (a) bukan kepada ('a).

Contoh: أكبر, transliterasi: akbar bukan 'akbar.

Huruf Arab ة (tā' marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada (t).

Contoh: وزارة التعليم ditransliterasikan kepada wizārat al-ta'lim, bukannya wizarah al-ta'lim.

Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, (tā' marbutah) ditransliterasikan kepada (h).

Contoh	Transliterasi
المكتبة الأهلية	al-Maktabah al-Ahliyyah
قلعة	Qal'ah
دار وهبة	Dār Wahbah

### 5.2.3 Penulisan Nama Pengarang

Penulisan nama pengarang hendaklah ditulis dengan lengkap seperti yang tercetak pada muka

surat tajuk sesebuah karya atau pada muka surat maklumat hak cipta yang mengandungi Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan/*Cataloguing-in-Publication-* Data, tanpa pangkat atau gelaran.

Nama pengarang	Contoh
<p><b><u>Barat</u></b> Hendaklah diringkaskan dahulu kepada nama keluarga sahaja: nama selainnya hendaklah menggunakan <i>parap</i> (initials). <i>Parap</i> hendaklah ditulis selepas nama keluarga dan didahului dengan tanda koma.</p>	<p>Murray Hudson Bigg John (M.H.B. John) hendaklah ditulis sebagai John M.H.B.  D. Ambigan hendaklah ditulis Ambigan, D.</p>
<p><b><u>Arab</u></b> Hendaklah ditulis mengikut nama keluarga.</p>	<p>Ahmad ibn Yusuf al-Muqaffa' ditulis sebagai Al-Muqaffa', Ahmad ibn Yusuf. (disenaraikan di bawah abjad M).  Solah al-Din Hazim ibn Abd al-Karim ibn 'Ashur ditulis sebagai Ibn 'Ashur Solah al-Din Hazim ibn Abd al-Karim. (disenaraikan di bawah I).</p>
<p><b><u>Melayu</u></b> Hendaklah dikekalkan. Penggunaan <i>parap</i> mesti terletak selepas nama.</p>	<p>B.A. Jamal ditulis sebagai Jamal, B.A. J.A. Ahmad ditulis sebagai Ahmad, J.A. K.A. Latif ditulis sebagai Latif, K.A.</p>
<p><b><u>Cina</u></b> Nama yang ditulis dengan lengkap hendaklah dikekalkan.</p>	<p>Ma Wah Ko ditulis sebagai Ma, Wah Ko  Penggunaan <i>parap</i>: B.A Chua ditulis sebagai Chua, B.A</p>
<p><b><u>Kristian</u></b></p>	<p>Simon Ho Ka Chun ditulis sebagai Ho, S.K.C.</p>
<p><b><u>India</u></b> Nama yang ditulis dengan lengkap hendaklah dikekalkan.</p>	<p>S. Subramaniam ditulis sebagai Subramaniam S.  Shimla Nair-Raja ditulis sebagai Nair-Raja, Shimla.</p>
<p><b><u>Indonesia</u></b> Nama yang ditulis dengan lengkap hendaklah dikekalkan.</p>	<p>Arena Sumbuso ditulis sebagai Sumbuso, Arena.  Penggunaan <i>parap</i>: S.S. Singura ditulis sebagai Singura, S.S.</p>
<p><b><u>Peribumi Sabah/Sarawak</u></b> Nama yang ditulis dengan lengkap hendaklah dikekalkan.</p>	<p>Gurson anak Parit ditulis sebagai Gurson Parit.</p>

### 5.3 PENULISAN TAJUK BAHAN RUJUKAN

Tajuk bahan rujukan (buku dan nama jurnal) hendaklah ditulis condong menggunakan HURUF BESAR pada SETIAP HURUF PERTAMA perkataan.

Untuk makalah/artikel hanya huruf perkataan pertama sahaja menggunakan huruf besar. Perkataan lain hendaklah menggunakan huruf kecil.

Contoh:

**Tajuk Buku**

(a) ... (2013). *Psikologi Islam*.

### **Nama jurnal**

- (a) ...(2021). *Jurnal Pengajian Islam 14 (Special edition)*, 231-242.
- (b) ...(2018). *Islamiyyat*, 40 (2), 151-160.

### **Makalah/Artikel**

- (a) ...(2021). Syawal buka peluang raih kemenangan kedua

Susunan tajuk karya Inggeris tanpa pengarang dalam senarai rujukan yang tajuknya diawali dengan perkataan “A, An, The” hendaklah dibuat mengikut susunan abjad perkataan yang menyusulinya.

Contoh:

- (a) ...(2018). A comparative review of how the policy and procedures to assess research impact evolved in Australia and the UK.
- (b) ...(2021). An efficient machine-learning approach for PDF tabulation in turbulent combustion closure
- (c) ...(2020). The mental health of medical workers in Wuhan, China dealing with the 2019 novel coronavirus.

## **5.4 SENARAI RUJUKAN**

Senarai rujukan disusun mengikut abjad melainkan Al-Quran.

Contoh:

- (a) al-Quran...
- (b) Aemy Elyani Mat Zain. (2018)....
- (c) CO 273/535...
- (d) Honken, N., Ralston, P.A., Tretter, T.R. (2016)....
- (e) Jabatan Pendidikan Tinggi. (2017)....
- (f) Nur Hidayah Mohd Abd Malik. (2018)...

Rujukan seorang pengarang mendahului rujukan lebih daripada seorang pengarang jika pengarang pertamanya sama.

Contoh:

- (a) Elmi Baharuddin. (2013). ...
- (b) Elmi Baharuddin dan Zainab binti Ismail. (2015)...

Rujukan yang pengarang pertamanya sama tetapi pengarang kedua atau ketiga berbeza, disusun mengikut abjad nama pengarang kedua dan seterusnya.

Contoh:

- (a) Deci, E.L., Betley, G., Kahle, J., Abrams, L., & Porac, J. (1981). ...
- (b) Deci, E.L. & Ryan, R.M. (2012). ...

Rujukan pengarang yang sama disusun mengikut tahun penerbitan.

Contoh:

- (a) Hasnan Kasan. (2008).....
- (b) Hasnan Kasan. (2010)...

Rujukan pengarang yang sama dengan tahun penerbitan yang sama disusun mengikut urutan yang disebut dalam teks.

Contoh:

- (a) Nooraini Othman. (2011a). Eksplorasi dimensi Ummatic Personality...
- (b) Nooraini Othman. (2011b). Exploring the Ummatic Personality Dimensions...

Rujukan dua orang pengarang yang mempunyai nama yang sama disusun mengikut abjad nama bapa atau *parap* pertamanya.

Contoh:

- (a) Abdullah Ibrahim. (2004).....
- (b) Abdullah Sulong. (2010)...
- (c) Peterson, C. (2004)...
- (d) Peterson, J.B. (2013). ...

## 5.5 CARA MENULIS RUJUKAN YANG LENGKAP UNTUK BUKU

- (a) Nama pengarang diikuti noktah
- (b) Tahun penerbitan (kurungan) seperti (2020) atau jika tahun hijrah perlu disertakan tahun Masihi seperti (1441H/2020)
- (c) Tajuk buku (condong) diikuti noktah
- (d) Penyunting, penyusun atau penterjemah (jika ada) diikuti noktah
- (e) Nama siri buku, jilid atau siri (jika ada) diikuti noktah
- (f) Edisi selain edisi pertama seperti Ed. Ke-... (jika ada) diikuti noktah
- (g) Bilangan jilid diikuti noktah
- (h) Tempat diterbitkan (bandar) diikuti titik bertindih

Jika terdapat lebih daripada satu tempat terbit gunakan tempat yang pertama.

Contoh:

- (a) New York, London, Paris hendaklah ditulis New York.
- (b) Penerbit diikuti noktah
- (c) Baris ke-2 bagi setiap rujukan dan seterusnya hendaklah ditulis satu enter dengan ensotan 12.5 mm.

### 5.5.1 Pengarang Tunggal (termasuk nama samaran)

Contoh:

Ajmain@Jimaain Safar. (2012). Pembinaan Instrumen Pentaksiran Akhlak berasaskan Rakan Sebaya pelajar sekolah menengah. [Tesis Doktor Falsafah]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Bayanuni, Ahmad Izzuddin. (2003). Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Terj. Hasnan bin Kasan. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Harris, L. (2014). Instructional leadership perceptions and practices of elementary school leaders [Unpublished doctoral dissertation]. University of Virginia.

Othman Lebar. (2014). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.



### **5.5.2 Pengarang bersama**

Contoh:

Buerah Tunggak dan Zoolhilmi Ahmed. (2015). Pengaruh faktor latar belakang terhadap orientasi sikap keusahawanan dalam kalangan usahawan belia bumiputera Muslim. *Akademika* 85(2), 29-43.

Fariza Md. Sham, Salasiah Hanin Hamjah dan Mohd. Jurairi Sharifudin. (2013). Personaliti dari Perspektif al-Ghazali. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Olesen, A.P., Latifah Amin dan Zurina Mahadi. (2018). Researchers experience of misconduct in research in Malaysian higher education institutions. *Accountability in Research* 25(3), 125-141.

### **5.5.3 Edisi baharu dan Cetak Ulang [Ed.=Edisi]**

Contoh:

Crowley, T. & Bower, C. (2010). *An Introduction to Historical Linguistic* (Edisi ke- 4). Oxford University Press.

HAMKA. (2018). *Sejarah Umat Islam* (Edisi Kemas Kini). Batu Caves: PTS Publications Sdn. Bhd.

### **5.5.4 Karya yang Dikenali Menurut Tajuk**

Contoh:

Al-Quran Al-Karim

American Psychological Association. (2015). Mood induction. In *APA dictionary of psychology* (2nd ed., p. 667).

The Encyclopedia of Islam. (1960). Edisi ke-2. Leiden: E.J.Brill.

King James Bible. (2017). King James Bible Online. <https://www.kingjamesbibleonline.org/> (Original work published 1769)

Kamus Dewan. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Oxford Regional Economic Atlas: The Middle East and North Africa. (1960). London: Oxford University Press.

### **5.5.5 Rujukan al-Hadith**

Contoh:

al-Qayyūmi, Muhammad ibn Muhammad. (1310H/1893). *Al-Matn al-Sahih*. Misr: al- Matba'ah al-Halabi.

### **5.5.6 Karya Susunan [pnys.=penyusun]**

Contoh:

Abdul Malik Al-Qasim (pnys.). (2012). *Nafas Terakhir, Renungan Menyambut Sakaratul Maut*. Jawa Tengah: Penerbit Aqwam.

Ahmad Lutfi Abdul Wahab (pnys.). (2005). Mendekati Ulama' dan Para Wali Allah di Mesir. Kaherah: Darul Aman Lit Tijaarah wat-Tauzi'.

Al-Nawawi, Mahy al-Din. (pnys.). (2019). Al-Adzkar, Zikir-zikir Dari Hadits-hadits Nabi. Sungai Buloh: Kemilau Publika.

### **5.5.7 Karya Suntingan [pnyt.= penyunting/editor]**

Contoh:

Aron, L., Botella, M., & Lubart, T. (2019). Culinary arts: Talent and their development. In R. F. Subotnik, P. Olszewski-Kubilius, & F. C. Worrell (Eds.), *The psychology of high performance: Developing human potential into domain-specific talent* (pp. 345–359). American Psychological Association. <https://doi.org/10.1037/0000120-016>

Jawiah Dakir. (2014). Hadis pelengkap al-Quran sebagai sumber ilmu sains. Dlm. Khalijah Mohd Salleh (pnyt.). *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid* (hlm. 33-48). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khairul Hamimah Mohamad Jodi. (2007). Penghayatan aqidah dalam kalangan remaja: Satu kajian. Dlm. Kamaruddin Salleh, Mazlan Ibrahim & Indriaty Ismail (pnyt.). *Islam di Malaysia Pasca Kemerdekaan* (hlm. 151-162). Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM.

Watson, J. B., & Rayner, R. (2013). Conditioned emotional reactions: The case of Little Albert (D. Webb, Ed.). CreateSpace Independent Publishing. <http://a.co/06Se6Na> (Original work published 1920)

### **5.5.8 Selenggaraan [pngr. = penyelenggara]**

Contoh:

Samad Ahmad (pngr.). (2019). *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sharifah Barlian Aidid (pngr.). 1990. *Siri Bacaan Pelajar Utusan: Epidemik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.

### **5.5.9 Berbilang Jilid [Jil. = Jilid yang dirujuk]**

Contoh:

HAMKA. 1987. *Tafsir al-Azhar (Juzu' 4)*. Jakarta: PT Pustaka Panjimas.

Harris, K. R., Graham, S., & Urdan T. (Eds.). (2012). *APA educational psychology handbook* (Vols. 1–3). American Psychological Association.

### **5.5.10 Terjemahan [Terj. = Terjemahan]**

Contoh:

Battle, J. A. & Shannon, R.L. (1978). *Gagasan Baharu Ilmu Pendidikan (Terj.)* Jakarta: Penerbit Mutiara.

Fraleigh, J. B. (1988). *Kursus Pertama Aljabar Niskala* (Abu Osman Md. Tap & Abdul Razak

Salleh, Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Schane, S. A. (1992). Fonologi Generatif (Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin, Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Coelho, P. (1993). *The Alchemist* (A. Clarke, Trans.). New York, NY: HarperCollins.

Fazlur Rahman, (1985). *Islam dan Modernitas Tentang Tranformasi Intelektual*, (Ahsin Mohamad, Terj.) Bandung: Penerbit Pustaka.

Lois A. Aroian & Richard P. Mitchell, (1991). *Timur Tengah Dan Afrika Utara Moden*, (Mohammad Redzuan Othman, Terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Qaradhawi, Yusuf al, (2002). *Kepincangan Umat Islam Masalah dan Penyelesaian*, (Mohd. Fakhruddin Abdul Mukti, Terj.) Kuala Lumpur: Pustaka ALHAS (M) Sdn. Bhd.

Ziauddin Sardar, (2000). *Merombak Pola Fikir Intelektual Muslim*, (Agung Prihantoro & Fuad Arif Fudyartanto, Terj.) Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

### **5.5.11 Nama Samaran**

Contoh:

Arena Wati. (1991). *Memoir Arena Wati: Enda Gulingku*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Keris Mas. (1979). *Tiga Puluh Tahun Sekitar Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **5.5.12 Monograf**

Contoh:

Ajid Che Kob. (1985). *Dialek Geografi Pasir Mas [Monograf 3]*. Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ganster, D. C., Schaubroeck, J., Sime, W. E., & Mayes, B. T. (1991). The nomological validity of the Type A personality among employed adults [Monograph]. *Journal of Applied Psychology*, 76(1), 143–168. <http://doi.org/10.1037/0021-9010.76.1.143>

Harriet Wong, Hazita Azman & Lee Siew Chin. (1990). *English Language Proficiency*. [Monograf]. Pusat Bahasa, UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Smail, J.R.W. (1964). *Bandung in the Early Revolution 1945-1946: A Study in the Social History of the Revolution*. Modern Indonesian Project Monograph Series [Monograph]. Ithaca: Cornell University Press.

### **5.5.13 Bab dalam Buku [Dlm. = Dalam]**

Contoh:

Abdul Latiff Mohamad. (2000). Kesan pembangunan sosio-ekonomi ke atas kepelbagaian biologi khususnya spesies tumbuhan endemik di Malaysia. Dlm. Jamaluddin Md. Jahi (pnyt.), *Pengurusan Persekitaran di Malaysia: Isu dan Cabaran* (hlm. 72-103). Bangi: Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dillard, J. P. (2020). Currents in the study of persuasion. In M. B. Oliver, A. A. Raney, & J.

Bryant (Eds.), *Media effects: Advances in theory and research* (4th ed., pp. 115–129).  
Routledge

Fleishman, L.A. (1973). *Twenty years of consideration and structure*. Dlm. Fleishman, L.

A. & Hunt. J.G. (pnyt.), *Current Development in the Study of Leadership: Selected Readings*  
(hlm. 1-37). Carbondale: Southern Illinois University Press.

Shamsuddin Suhor. (2004). *Celik Alam Sekitar: Pengurusan di Peringkat Isi Rumah*. Dlm.  
Jamaluddin Md. Jahi, Mohd Jailani Mohd Nor, Kadir Arifin & Azahan Awang (pnyt.),  
*Alam Sekitar dan Kesejahteraan Masyarakat Malaysia* (hlm. 196-211). Bangi: Pusat  
Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Karya Tanpa Tarikh (t.th.)/Tanpa Tempat (t.tp.)/Tanpa Penerbit (t.pt.) Contoh: al-Fakhiri,  
Muhammad ibn 'Umar. (t.th). *al-Akhbar al Najdiyah*. Abd Allah ibn Yusuf al- Shibl  
(pnyt.). *al-Riyād: Matabi" Jami'at al-Imam Muhammad ibn Su'ud al- Islamiyyah*.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Bakr al-Zar'i al-Dimishqi. (t.th).  
*A'alam al-Muwaqiiin 'an Rabb al-'alamin*. Vol 4. (Muhammad Muhyi al-Din 'AbdaI-  
Hamid, pnyt.). Misr: t.pt.

Ibn al-Mundhir, Muhammad bin Ibrahim. (2004). *al-Ijma'*. t.tp: Dar al-Muslim.

## 5.6 DOKUMEN AWAM

Berikan maklumat yang lengkap:

- (a) Negara (atau negeri)/institusi terlibat diikuti noktah.
- (b) Tahun penerbitan diikuti noktah.
- (c) Bahan yang dirujuk (masukkan butiran lanjut) diikuti noktah.

Contoh:

Dokumen awam yang diterbitkan:

### (a) **Parlimen dan Dewan Undangan Negeri**

#### (i). *Akta Parlimen*

Contoh:

Bername Act 1967 (Revised 2016). (Act 780).

Environmental Quality Act 1974 (Act 127).\

Akta Kontrak 1950 (Akta 136)

#### (ii). *Enakmen Dewan Undangan Negeri*

Contoh:

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

#### (iii). *Perbahasan di Parlimen (Penyata atau Hansard)*

Contoh:

Dewan Rakyat Malaysia. (1990). *Perbahasan Rang Undang-Undang Harta Intelek*. Penyata

Rasmi Dewan Rakyat. 2(15): 1792-1850 Parlimen Keenam Penggal Kedua.

Penyata Rasmi Parlimen Bilangan 17 Bertarikh 3 April 2017 Dewan Rakyat Parlimen Ke-13 Penggal Ke-5 Mesyuarat Pertama (DR3.4.2017).

**(iv). *Laporan dan Dokumen (Kertas Perintah)***

Contoh:

Dewan Rakyat Malaysia. (1986). Peristiwa Memali. Kertas Perintah 21, tahun 1986.

Dewan Rakyat Malaysia. (1990). Ke Arah Pembangunan Rakyat Bersepadu. Kertas Perintah 16, tahun 1990.

**(b) Penerbitan kerajaan (Persekutuan, Negeri)**

**(i). *Warta Kerajaan Persekutuan***

Contoh:

Federated Malay States. (1926). Government Gazette 18(12): Notification No. 3178.

Federated Malay States. (1939). Sedition Enactment 1939 (Enactment No. 13 of 1939). Government Gazette 31 (23).

**(ii). *Warta Kerajaan Negeri***

Contoh:

Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011. Kaedah-kaedah Badan Maklumat Negeri (Negeri Selangor) 2012. Sel.P.U.97.

**(iii). *Laporan Kerajaan Persekutuan***

Contoh:

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). Sukatan Kurikulum Baru Sekolah Rendah: Pendidikan Islam.

Malaysia. 2006. Rancangan Malaysia Kesepuluh 2010-2014.

National Cancer Institute. (2019). Taking time: Support for people with cancer (NIH Publication No. 18-2059). U.S. Department of Health and Human Services, National Institutes of Health. <https://www.cancer.gov/publications/patient-education/takingtime.pdf>

**(c) Laporan jawatankuasa**

Contoh:

Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia. (1987). Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia. (1991). Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## 5.7 DOKUMEN AWAM YANG TIDAK DITERBITKAN

- (a) Dokumen kerajaan seperti surat-menyurat yang mempunyai nombor koleksi sebagai pengenalan pasti, hendaklah digunakan nombor koleksi ini.
- (b) Dokumen kerajaan sejak zaman British banyak terdapat di Public Records Office dan India Office Library and Records (Lor atau pun IOL & R).
- (c) India Office Library menggabungkan juga Oriental Collection.
- (d) Singapura mempunyai koleksi atau bilangan siri tersendiri bagi Straits Settlements Records, iaitu siri A dan AA.
- (e) Siri ini terdapat dalam mikro filem yang didahulukan dengan NL, iaitu National Library.
- (f) Koleksi di Arkib Singapura juga menggunakan NL.
- (g) Untuk kemudahan, rujukan tambahan tempat bahan yang dirujuk itu dimasukkan dalam tanda kurung [ ].
- (h) Jika bahan demikian diperoleh dari Arkib Negara Malaysia, maklumat tersebut dan maklumat lain boleh dimasukkan.

Contoh:

Board's Collection. (1827, Ogos 9) [Surat Norman McIntyre kepada Secretary to the Government, Prince of Wales Island, Singapore and Malacca] IOR F/4/1069 (29204) 1828, 1829. 1827.. 9 Ogos 1827.

Frank, L. K. (1935, February 4). [Letter to Robert M. Ogden]. Rockefeller Archive Center (GEB Series 1.3, Box 371, Folder 3877), Tarrytown, NY, United States.

Thomas, T.S.W. (1939, 24 Januari). [Surat Governor Straits Settlements Sir T.S.W. Thomas kepada Secretary of State for the Colonies Malcolm MacDonald], Straits Settlements Records (CO 273/657/50601)

Bone, A.B. (1806, 29 Januari) [Surat A.B. Bone kepada H.R. Pearson, Secretary to the Government, Prince of Wales Island]. Straits Settlements Records (IOR G/34/13. 1806)

Allport, G. W. (1930–1967). Correspondence. Gordon W. Allport Papers (HUG 4118.10), Harvard University Archives, Cambridge, MA, United States.

Bonham, S.G. (1826, 23 Disember). [Surat S.G. Bonham, Acting Resident of Singapore, kepada John Anderson, Secretary to the Government, Prince of Wales Island, Singapore and Malacca]. Straits Settlements Records (NL 13 A32. 1826)

U.S. Census Bureau. (1880). 1880 U.S. census: Defective, dependent, and delinquent classes schedule: Virginia [Microfilm]. NARA Microfilm Publication T1132 (Rolls 33–34), National Archives and Records Administration, Washington, DC, United States.

### 5.7.1 Dokumen pertubuhan antarabangsa

#### (a) Bangsa-Bangsa Bersatu

Contoh:

United Nations. (1974). The Charter of Economic Rights and Duties of States. General Assembly Resolution 321, 29. UN G.O.A.R Supplement. (No. 31), 50, UN Document A/9361. New York: United Nations.

United Nations. (1986). Report of the Committee on Information. General Assembly Official Records. Forty-first Supplement No. 21 (A/41/21). New York: United Nations.

## **(b) UNESCO**

Contoh:

UNESCO. (1960). Director-General of UNESCO Report. Paris: UNESCO.

## **(c) IAEA**

Contoh:

IAEA. (1995). Coordinated Research Programme on Assessment of Environmental Exposure to Mercury in Selected Human Populations. Vienna: International Atomic Energy Agency.

## **(d) WHO**

Contoh:

WHO. (1991). Guidelines for the Assessment of Herbal Medicines. Geneva: World Health Organization.

## **5.8 MAKALAH DALAM JURNAL**

Berikan maklumat yang lengkap. Antaranya:

- (a) Nama pengarang diikuti noktah
- (b) Tahun diikuti noktah
- (c) Tajuk makalah diikuti noktah (huruf pertama bagi perkataan pertama tajuk makalah sahaja huruf besar dan lain perkataan dalam tajuk makalah huruf kecil kecuali kata nama huruf besar)
- (d) Tajuk jurnal hendaklah ditulis condong (huruf pertama bagi setiap perkataan dalam tajuk, kecuali kata sendi, hendaklah menggunakan huruf besar)
- (e) Maklumat keluaran (sama ada jilid, nombor keluaran, bulan atau musim)
- (f) Nombor keluaran (dalam tanda kurung) diikuti koma
- (g) Muka surat seluruh makalah diikuti noktah.
- (h) Nombor doi (jika ada) diikuti noktah.

### **5.8.1 Pengarang Tunggal**

Contoh:

Aloysius Dris. (1989). Oral tradition: A discussion on some areas of Melanau oral tradition. The Sarawak Museum Journal XL (61), 339-356.

Grady, J. S., Her, M., Moreno, G., Perez, C., & Yelinek, J. (2019). Emotions in storybooks: A comparison of storybooks that represent ethnic and racial groups in the United States. *Psychology of Popular Media Culture*, 8(3), 207–217. <https://doi.org/10.1037/ppm0000185>

Asmah Haji Omar. (1977). The Iban languages. *Sarawak Museum Journal* (25), 81-100.

Samad, S.A. (2004). Digital domain design of cascaded wave digital filters with tunable parameters. *Iranian Journal of Electrical and Computer Engineering* 3(2), 1-5.

### **5.8.2 Pengarang Bersama**

Contoh:

Andanastuti Muchtar, Lim, L.C. & Lee., K.H. (2002). Finite element analysis of Vickers

indentation cracking processes in brittle solids using elements exhibiting cohesive post failure behaviour. *Journal of Materials Science* 38(2), 235-243.

Hamzah, N., Mohamed, A. & Hussain, A. (2004). A new approach to locate the voltage sag source using a real current component. *Journal of Electric Power System Research* 72, 113-123.

Jerrentrup, A., Mueller, T., Glowalla, U., Herder, M., Henrichs, N., Neubauer, A., & Schaefer, J. R. (2018). Teaching medicine with the help of "Dr. House." *PLoS ONE*, 13(3), Article e0193972. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0193972>

Butler, J. (2017). Where access meets multimodality: The case of ASL music videos. *Kairos: A Journal of Rhetoric, Technology, and Pedagogy*, 21(1). <http://technorhetoric.net/21.1/topoi/butler/index.html>

### **5.8.3 Tajuk Jurnal yang Diringkaskan**

Contoh:

Brown, R. & Higgins, P.J. (1978). On the connection between the second relative Homotopy groups of some related spaces. *Proc. London Math. Soc.* 36 (3): 193- 212.

## **5.9 MAKALAH DALAM PROSIDING**

Contoh:

Bedenel, A.-L., Jourdan, L., & Biernacki, C. (2019). Probability estimation by an adapted genetic algorithm in web insurance. In R. Battiti, M. Brunato, I. Kotsireas, & P. Pardalos (Eds.), *Lecture notes in computer science: Vol. 11353. Learning and intelligent optimization* (pp. 225–240). Springer. [https://doi.org/10.1007/978-3-030-05348-2\\_21](https://doi.org/10.1007/978-3-030-05348-2_21)

Nurhanisah Senin, Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, & Zainory Shafie. (2019). Kajian rintis kepercayaan masyarakat Hindu terhadap kesucian lembu dan persepsi terhadap amalan korban dalam Islam. *E-Proceeding 6th International Research Management and Innovation Conference 2019 (IRMIC 2019)*. (hlm. 57-74).

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Nazneen binti Ismail dan Nurul Hidayah Mohd Ab Malek. (2016). *Cinta Ilmu dan Transformasi Modal Insan dalam Tamadun Islam*. Dlm. Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar, Salasiah Hanin Hamjah & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad (Pnyt.) *Prosiding Seminar Tamadun & Warisan Islam (TAWIS) 2016*. (hlm. 163-176).

## **5.10 MAKALAH DALAM MAJALAH /BULETIN**

Contoh:

Ismail Hamid. (1990, Mei). *Sastera kitab*. Dewan Sastera, 79-83.

Nik Mohd Nasri Ismail. (1991, Julai). *Punca ketidaksuburan lelaki*. *Sihat*, 24-25.

Lyons, D. (2009, June 15). Don't 'iTune' us: It's geeks versus writers. Guess who's winning. *Newsweek*, 153(24), 27.



## **5.11 MAKALAH, BERITA DALAM AKHBAR/SURAT KEPADA PENGARANG**

### **5.11.1 Makalah dengan Nama Pengarang/Penulis**

Contoh:

Gunasegaran, P. (2006, Februari 21). Overworked students: give the kids chance to relax. *New Straits Times*.

Hashnan Abdullah. (2006, Februari 2). Mangsa tragedi asrama runtuh selamat pulang. *Utusan Malaysia*.

Mohamed Idris, S.M. (2006, Februari 16). Commercial vehicle drivers: procedures need review. *New Straits Times*.

Harlan, C. (2013, April 2). North Korea vows to restart shuttered nuclear reactor that can make bomb-grade plutonium. *The Washington Post*, A1, A4.

Zabry Mohamad. (2006, Februari 3). Roti canai, teh tarik tidak ke angkasa lepas? *Utusan Malaysia*.

Bologna, C. (2019, October 31). Why some people with anxiety love watching horror movies. *HuffPost*. [https://www.huffpost.com/entry/anxiety-love-watching-horror-movies\\_1\\_5d277587e4b02a5a5d57b59e](https://www.huffpost.com/entry/anxiety-love-watching-horror-movies_1_5d277587e4b02a5a5d57b59e)

### **5.11.2 Makalah tanpa Pengarang/Penulis**

Contoh:

Peningkatan kes belia tidak membayar balik pinjaman. (1992). *Utusan Malaysia*, 30 Oktober

## **5.12 BERITA DALAM AKHBAR**

### **5.12.1 Berita/Rencana dengan Nama Penulis**

Contoh:

Ooi Tee Ching & Ganesan, V. (2004, April 2). Tourism set to rake in RM30b in receipts. *New Straits Times*.

Carey, B. (2019, March 22). Can we get better at forgetting? *The New York Times*. <https://www.nytimes.com/2019/03/22/health/memory-forgetting-psychology.html>

Suffian A. Bakar. (2014, April 2). Pemegang saham syer rombak Lembaga Pengarah. *Berita Harian*.

### **5.12.2 Berita/Rencana tanpa Nama Penulis**

Contoh:

Syarikat Itali akan sediakan radar kawalan laluan udara. *Utusan Malaysia*, 30 Oktober 1992.

Telefon bimbit bukan sekadar penghubung. *Berita Harian*, 5 Julai 2000.

### **5.12.3 Surat kepada Editor**

Contoh:

Fazila. (1992). Jangan salahkan imam, bilal saja. Surat kepada Editor. Berita Harian, 30 Oktober 1992.

Izat, Z. (1992). Effective reading is the way to ensure success of science students. Surat kepada Editor. New Straits Times, 25 Januari 1992.

Mohd Akmal Salam. (2006). Denda tinggi mampu buat pemandu serik. Surat kepada Editor. Berita Harian, 3 Februari 2006.

## **5.13 FILEM, VIDEO DAN SLAID**

Nama pengarah filem hendaklah ditulis sekiranya pengarah sesebuah filem itu diketahui.

### **5.13.1 Filem**

Contoh:

Fleming, V. (Director). (1939). Gone with the wind [Film]. Selznick International Pictures; Metro-Goldwyn-Mayer

P. Ramlee. (Pengarah). (1960). Ali Baba bujang lapok [Filem Cereka]. Singapura: Shaw Brothers.

### **5.13.2 Siri Televisyen**

Serling, R. (Executive Producer). (1959–1964). The twilight zone [TV series]. Cayuga Productions; CBS Productions.

### **5.13.3 Episod TV**

Contoh:

Favreau, J. (Writer), & Filoni, D. (Director). (2019, November 12). Chapter 1 (Season 1, Episode 1) [TV series episode]. In J. Favreau, D. Filoni, K. Kennedy, & C. Wilson (Executive Producers), The Mandalorian. Lucasfilm; Golem Creations.

### **5.13.4 Video Youtube**

Harvard University. (2019, August 28). Soft robotic gripper for jellyfish [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=guRoWTYfxMs>

### **5.13.5 Slaid**

Contoh:

Dell, J.E. (1975). The Galapagos Island: Birds. [Slaid]. New York: Harper & Row.

Investigations in life science: man and nature. (t.th). [Slaid]. Colorado: Crystal Productions.

Jones, J. (2016, March 23). Guided reading: Making the most of it [PowerPoint slides].

SlideShare. <https://www.slideshare.net/hellojenjones/guided-reading-making-the-most-of-it>

### 5.13.6 Lagu dan Karya Berbentuk Muzik

Contoh:

Picker, T., & McClatchy, J. D. (1995). Emmeline: An opera in two acts [Study score]. Schott Music. <https://www.eamdc.com/psny/composers/tobias-picker/works/emmeline/>

## 5.14 BAHAN TIDAK TERBIT

Berikan maklumat yang lengkap:

- (a) Nama pengarang diikuti noktah
- (b) Tahun diikuti noktah
- (c) Tajuk diikuti noktah
- (d) Nombor folio, nombor kotak tempat bahan disimpan atau mana-mana tanda pengenalan yang lain diikuti koma
- (e) Nama koleksi diikuti noktah
- (f) Nama tempat (institusi, bandar, negeri) bahan tersebut dihasilkan/disimpan diikuti koma
- (g) Tarikh diikuti noktah

### 5.14.1 Penulisan Ilmiah atau Latihan Ilmiah

Contoh:

Norfazila Bt. Ab. Hamid. (2004). Variasi Bahasa Melanau Sarawak . [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rahim Aman. (1997). Perbandingan Fonologi dan Morfologi Bahasa Iban. [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Harris, L. (2014). Instructional leadership perceptions and practices of elementary school leaders [Unpublished doctoral dissertation]. University of Virginia.

### 5.14.2 Manuskrip Asal

Contoh:

Hamzah Fansuri. (t.th.). Sharab al-Ashiqin. MSS. Cod. Or. 7291 (11), Perpustakaan University Leiden.

### 5.14.3 Kertas Kerja, Abstrak Persidangan dan Sebagainya

Contoh:

Imran Ho Abdullah. (2000). Analisa semantik kognitif pernyataan perbandingan: Lebih dan Kurang. (Konstruksi perbandingan bahasa Melayu-Pendekatan linguistik kognitif). Kertas Kerja Persidangan Pengajian Melayu Ke-2, Beijing, China. 8-15 Oktober 2002.

Kadir Arifin, Jamaluddin Md. Jahi, Ismail Bahari & Abd Rahim Md. Nor. (2004). Sistem pengurusan bersepadu: ke arah kesedaran alam sekitar organisasi di Malaysia. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar 2004. Anjuran Program Geografi, Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim, Perak, 3-4 Julai.

#### **5.14.4 Laporan Teknik**

Contoh:

Stuster, J., Adolf, J., Byrne, V., & Greene, M. (2018). Human exploration of Mars: Preliminary lists of crew tasks (Report No. NASA/CR-2018-220043). National Aeronautics and Space Administration. <https://ntrs.nasa.gov/archive/nasa/casi.ntrs.nasa.gov/20190001401.pdf>

Agensi Kelayakan Malaysia. (2016). Laporan Kajian Keberkesanan Standard Program Kepada Pihak Berkepentingan. Bahagian Standard. <https://www.mqa.gov.my/pv4/document/qad/laporan/LAPORAN%20KAJIAN%20SOAL%20SELIDIK%205%20SP%202016%2015.06.2017.pdf>

Mani Maran A/L Ratnam. (2008). Tool wear measurement using machine vision. (Laporan Akhir Projek Penyelidikan Jangka Pendek). School of Mechanical Engineering Universiti Sains Malaysia. <https://www.yumpu.com/en/document/read/51192348/laporan-akhir-projek-penyelidikan-jangka-pendek-eprintsusm>

#### **5.14.5 Mesyuarat: Kertas Kerja, Laporan dan Minit Mesyuarat**

Contoh:

Bahagian Pendidikan Guru. (1989). Pendekatan baharu tugas dan tanggungjawab Pensyarah maktab-maktab perguruan Malaysia. Kertas Kerja Mesyuarat Pengetua-Pengetua Maktab Perguruan Malaysia Kali Kedua. Lumut, Perak D. R., 7-9 Ogos.

Laporan Unit Pengurusan dan Pentadbiran (URT).(1988). Mesyuarat Pengetua-Pengetua Maktab Perguruan Malaysia Kali Kedua. Maktab Perguruan Lembah Pantai, Kuala Lumpur, 15-16 September.

Minit Mesyuarat Pengetua-Pengetua Maktab Perguruan Malaysia Kali Kedua. (1989). Lumut, Perak D.R., 7 - 9 Ogos.

#### **5.14.6 Temu Bual**

Individu yang ditemu bual hendaklah tokoh yang berwibawa dalam bidang berkenaan.

Contoh:

Abdullah Hj. Mohd. Salleh. (1999). Sejarah penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur. Temu bual, 12 Mei 1999.

#### **5.14.7 Manual Perisian**

Contoh:

ADAMS. Flex 2002. 2002. Using ADAM/Flex. Ann Arbor: Mechanical Dynamics Incorporated.

MSC. Nastran. 2003. Quick Reference Guide. Santa Ana: MSC. Software Corporation.

### 5.14.7 Perisian

Contoh:

ABAQUS/Explicit. 2005. Version 6.5. Providence: ABAQUS Inc. MATLAB. 2005. Version 7.1. Massachusetts: Math Works Inc.

## 5.15 BAHAN RUJUKAN ELEKTRONIK

### 5.15.1 Laman web

- (a) Nama pengarang atau organisasi diikuti noktah.
- (b) Tahun dan tarikh (dalam kurungan) diikuti noktah.
- (c) Tajuk makalah (condong) diikuti noktah (huruf pertama bagi perkataan pertama tajuk makalah sahaja huruf besar dan lain perkataan dalam tajuk makalah huruf kecil kecuali kata nama huruf besar).
- (d) Nama laman web diikuti noktah.
- (e) Tarikh laman web dilayari (jika isi kandungan laman web tidak diarkib) diikuti koma.

Pengubahsuaian boleh dilakukan mengikut keperluan tanpa menjejaskan kesahihan sumber bahan yang dirujuk.

Contoh:

National Institute of Mental Health. (2018, July). Anxiety disorders. U.S. Department of Health and Human Services, National Institutes of Health. <https://www.nimh.nih.gov/health/topics/anxiety-disorders/index.shtml>

U.S. Census Bureau. (n.d.). U.S. and world population clock. U.S. Department of Commerce. Retrieved January 9, 2020, from <https://www.census.gov/popclock/>

Giovanetti, F. (2019, November 16). Why we are so obsessed with personality types. Medium. <https://medium.com/the-business-of-wellness/why-we-are-so-obsessed-with-personality-types-577450f9aee9>

### 5.15.2 Media sosial

- (a) Nama penulis diikuti noktah
- (b) Nama di laman media sosial diikuti noktah.
- (c) Tahun dan tarikh dalam kurungan diikuti noktah.
- (d) 20 patah perkataan terawal sebagai tajuk.
- (e) Lampiran dalam kurungan kotak (jika ada) contoh: [Imej dilampirkan]
- (f) Deskripsi dalam kurungan kotak contoh: [Tweet]
- (g) Nama tapak seperti Twitter, Instagram
- (h) Tapak /jejak /fail alamat sesawang (tanpa garis bawah) diikuti noktah

Contoh:

Simons, J. [@Jasper\_Simons]. (2015, March 18). Do you like PsycINFO? Then learn about PsycTESTS from @APA here: <http://tinyurl.com/mna327j> [Tweet]. Twitter. [https://twitter.com/jasper\\_simons/status/578281883248816130](https://twitter.com/jasper_simons/status/578281883248816130)

News From Science. (2019, June 21). Are you a fan of astronomy? Enjoy reading about what

scientists have discovered in our solar system—and beyond? This [Image attached] [Status update].  
Facebook. <https://www.facebook.com/ScienceNOW/photos/a.117532185107/10156268057260108/?type=3&theater>

## 5.16 RUJUKAN UNDANG-UNDANG

### 5.16.1 Rujukan Kes

#### (a) Cara penulisan KES:

Nama-nama kes yang disebut dalam teks hendaklah dicondongkan, termasuklah lwn (bahasa Melayu) dan huruf v (bahasa Inggeris) yang tiada tanda titik serta diikuti tanda [tahun] dengan tanda titik.

Manakala dalam catatan bawah pembujurannya hendaklah ditulis tahun kes tersebut dilaporkan, jilid laporan dan muka surat atau nombor perenggan.

Contoh kes mengikut tahun dilaporkan:

Mohamad Ezam bin Noor v Ketua Polis Negara & Other Appeals [2002] 4 MLJ 449.

Contoh kes mengikut tahun diputuskan:

Tuan Fariza binti Tuan Ludin lwn Mohd Razuan bin Abdul Razab (2007) JH 24/2, 335.

#### (b) Penglibatan firma atau syarikat dalam KES.

Sekiranya pihak yang terlibat di dalam kes ialah firma atau syarikat, hendaklah ditulis nama penuh firma atau syarikat itu.

Contoh:

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd. v Koperasi Amanah Pelaburan Bhd. [2020] 11 MLJ 1.

#### (c) Ex parte

'Ex parte' hendaklah diringkaskan kepada 'Ex p'.

Contoh:

R v Mental Health Act Commission; Ex p X (1988) 9 BLMR 77

#### (d) Meringkaskan nama-nama kes

Sekiranya kes tersebut mempunyai nama yang panjang dan kes itu kerap kali dirujuk di dalam teks, maka hendaklah ringkaskan nama di dalam teks dan juga catatan bawah.

Contoh:

##### **Rujukan pertama:**

Woolwich Equitable Building Society v Comrs of Inland Revenue [1993] AC 7

##### **Rujukan selanjutnya di dalam teks:**

'..... sebagaimana yang dinyatakan oleh Lord Goff di dalam Woolwich ...' atau boleh juga ditulis sebagai 'di dalam kes Woolwich '

**Rujukan selanjutnya di dalam catatan bawah:**

Woolwich (n 55) 176

**(e) Kes-Kes Perkapalan**

Nama kapal boleh digunakan bagi menggantikan nama penuh kes tersebut. Bagaimanapun nama penuhnya hendaklah ditulis dalam rujukan pertama tanpa menambahkan huruf 'SS' (*steamship*) atau 'MY' (*motor vessel*).

Contoh:

Rujukan pertama:

New Zealand Shipping Co Ltd. V Satterwaite (AM) & Co Ltd (The Eurymedon)

*Rujukan selanjutnya:*

**(i). Nama popular kes**

Nama popular bagi kes yang dirujuk bolehlah digunakan dan hendaklah ditulis di dalam tanda kurung selepas rujukan penuh awal.

Contoh:

Mirage Studios v Counter-feat Clothing Co Ltd [I 991] FSR 145 (Ninja Turtle case)

**(ii). Penyebutan kes dalam catatan bawah**

Sekiranya lebih daripada satu kes dirujuk, kes-kes tersebut hendaklah ditulis mengikut susunan kronologi, iaitu kes yang terbaharu ditulis kemudian sekali kecuali terdapat sebab-sebab tertentu yang perlu, susunan kronologi bolehlah diabaikan. Kes-kes berkenaan hendaklah dipisahkan dengan penggunaan semi colon (;)

Contoh:

Lee Gee Lam v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1993] 3 MLJ 265; Saul Hamid bin Pakir Mohamad v Inspector Abdul Fatah bin Abdul Rahman & Anor [1999] 6 MLJ 800; Abdul Ghani Haroon v Ketua Polis Negara and Another Application [2001] 2 MLJ 689.

**(iii). Kes yang tidak dilaporkan**

Rujukan kepada kes yang tidak dilaporkan hendaklah dirujuk menggunakan maklumat berikut:

- Nama kes
- Mahkamah yang mendengar kes tersebut
- Tarikh keputusan dibuat
- Muka surat atau perenggan kes berkenaan boleh didapati

Contoh:

Thannhauser v Westpac Banking Corporation (Federal Court Australia, 9 December 1991) [90]\*

*\*Kandungan berbentuk sedemikian hendaklah digunakan bagi menyatakan nombor perenggan di mana kes tersebut boleh diperolehi.*

**(iv). Keputusan yang disiarkan secara elektronik**

Rujukan kes yang diperoleh daripada sumber elektronik hanyalah boleh digunakan sekiranya keputusan kes tersebut belum dilaporkan di dalam bentuk bercetak dan tidak mempunyai 'rujukan neutral'

Contoh:

Cox v Robinson [2000] QCA 454 (Supreme Court of Queensland Court Of Appeal, 7 November 2000). <http://austlii.edu.au/au/au/cases/qld/QCAI2000/454.html> [7 Januari 2000]

**(v). Laporan-laporan lain**

Kes yang dilaporkan oleh akhbar hanyalah boleh dirujuk sekiranya ia tidak dilaporkan di dalam laporan lain. Nama akhbar tersebut hendaklah ditulis condong.

Contoh:

Kent v Griffiths. The Times. 10 February 2000.

### **5.15.2 Perundangan**

**(a) Perundangan primer**

Terdapat dua cara rujukan:

**(i). Penggunaan tajuk ringkas (tidak dicondongkan)**

Contoh:

Defamation Act 1957 (Malaysia)

atau

**(ii). Penggunaan tajuk ringkas, tahun dan nombor akta**

Contoh:

Defamation Act 1957 (Malaysia) (Akta 286)

**(b) Perundangan kecil**

Perundangan kecil hendaklah dirujuk dengan menggunakan tajuk, tarikh dan nombor siri

Contoh:

Community Charge Support Grant (Abolition) Order 1987 Sf 1987/466

**(c) Perlembagaan**

Contoh:

Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957

**(d) Perbahasan Parlimen**

Format rujukannya adalah seperti berikut:

- Nama negara



- Tajuk
- Tarikh penuh perbahasan
- Lajur
- Nama penuh pembahas

Contoh:

Malaysia, Perbahasan Dewan Rakyat, Bacaan Kedua, 9 Mac 1993, 26 (Karpal Singh)

## **5.16 BIBLIOGRAFI**

Pusat Pengurusan Siswazah. (2010). Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM (Edisi Semak Kedua). Universiti Kebangsaan Malaysia

Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi. (1998). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur

USIM'S Handbook On Academic Writing. (2014). USIM Publisher: Universiti Sains Islam Malaysia

American Psychological Association. (2020). Style and Grammar Guidelines. APA Style. [https://apastyle.apa.org/?\\_ga=2.204069840.1533862431.1597646043-1975867030.1597646043](https://apastyle.apa.org/?_ga=2.204069840.1533862431.1597646043-1975867030.1597646043)